



INTELLECTUAL  
PROPERTY AWARD 2010  
Organisation Category  
2006, 2009 & 2010



MERDEKA AWARD 2009  
Outstanding Scholastic Achievement and  
Health, Science & Technology



Reader's Digest  
TRUSTED BRAND 2010  
University Category

[www.utm.my](http://www.utm.my)



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BUKU PERATURAN MAHASISWA • UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# BUKU PERATURAN MAHASISWA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BAHAGIAN KEMUDAHAN & KESEJAHTERAAN MAHASISWA  
PEJABAT HAL EHWAL MAHASISWA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BUKU PERATURAN  
**MAHASISWA**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BAHAGIAN KEMUDAHAN & KESEJAHTERAAN MAHASISWA  
PEJABAT HAL EHWAL MAHASISWA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Cetakan Pertama	2003
Cetakan Kedua	2004
Cetakan Ketiga	2006
Cetakan Keempat	2007 (Semakan I)
Cetakan Kelima	2008 (Semakan II)
Cetakan Keenam	2009
Cetakan Ketujuh	2010
Cetakan Kelapan	2011
Cetakan Kesembilan	2012 (Semakan III)
Cetakan Kesepuluh	2013 (Semakan IV)
Cetakan Kesebelas	2014 (Semakan V)
Cetakan Keduabelas	2016 (Semakan VI)

Disediakan dan diedarkan oleh:  
Unit Penajaan, Kebajikan & Sahsiah  
Bahagian Kemudahan & Kesejahteraan Mahasiswa  
Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa  
Universiti Teknologi Malaysia.

Sebarang pertanyaan sila hubungi:-  
Unit Penajaan, Kebajikan & Sahsiah  
Bahagian Kemudahan & Kesejahteraan Mahasiswa  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 Johor Bahru,  
Johor.  
Tel.: 07-55 30513 / 07-55 30683  
Fax: 07-55 79385 / 07-55 30491  
Laman Web: [www.utm.my/studentaffairs](http://www.utm.my/studentaffairs)

Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni,  
Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur,  
Jalan Semarak,  
54100 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-26154475 / 03-26154282  
Fax : 03-26935488

Grafik, ilustrasi dan susunatur semula teks oleh:  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Dicetak oleh:  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad

## KANDUNGAN

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999	2
Cabutan dari Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971	30
Cabutan dari Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia (P.U.(A) 450 / 2010) berkuatkuasa pada 31 Disember 2010	38
Peraturan dan Tatatertib Kolej 1990/1991 Universiti Teknologi Malaysia	44
Surat Aku Janji	60
Kod Tatakelakuan Aktiviti-Aktiviti Politik Pelajar dalam Kampus, Universiti Teknologi Malaysia	64
Tatacara Berpakaian Mahasiswa	74
Penerangan mengenai Pakaian, Gaya Rambut dan Kasut yang dibenarkan dan tidak dibenarkan untuk Mahasiswa	78





**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ  
UNIVERSITI 1971  
KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MALAYSIA  
(TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 1999**

BUKU PERATURAN  
**MAHASISWA**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**WARTA KERAJAAN  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA  
HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY**

Jil. 43

Tambahan No. 113

11hb November 1999

No. 23

Perundangan (A)

**P.U. (A) 473.**

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971  
KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
(TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 1999**

**SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH**

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

*Kaedah*

1. Nama
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II  
TATATERTIB AM**

*Kaedah*

3. Larangan Am
4. Menghadiri kuliah
5. Sekatan ke atas penggunaan teks kuliah

*Kaedah*

6. Larangan terhadap plagiarisme
7. Kehadiran dalam peperiksaan
8. Kelakuan semasa peperiksaan
9. Menganjurkan perhimpunan
10. Pembesar suara
11. Sepanduk
12. Penerbitan, dsb., dokumen
13. Kegiatan pelajar di luar Kampus
14. Pelajar yang melibatkan diri dalam pekerjaan, dsb.
15. Representasi berhubungan dengan Universiti
16. Bantahan pelajar terhadap kemasukan orang ke dalam Kampus
17. Judi di dalam Kampus
18. Meminum minuman keras dan berkelakuan tidak senonoh
19. Artikel lucah
20. Dadah dan racun
21. Kebersihan di dalam Kampus
22. Membuat bising
23. Pemeriksaan ke atas pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental
24. Tempat tinggal atau tempat tidur dalam Kampus
25. Memasuki bahagian atau bangunan Kampus yang dilarang
26. Pakaian pelajar
27. Keingkaran

**BAHAGIAN III  
TATATERTIB ASRAMA**

*Kaedah*

28. Memasuki atau berada di dalam bilik pelajar menetap
29. Menghalang, dsb., pegawai-pegawai, dsb., daripada masuk dan menjalankan tugas
30. Berada di luar asrama pada waktu malam
31. Berada di dalam premis asrama selepas tengah malam
32. Menggunakan premis asrama dengan cermat dan larangan kacau ganggu
33. Bertukar bilik tanpa kebenaran terdahulu
34. berpindah tempat tinggal
35. Kuasa Pengetua untuk memberi perintah, dsb., berkenaan dengan ketenteraman dan tatatertib



## **BAHAGIAN IV TATATERTIB LALU LINTAS JALAN**

### *Kaedah*

36. Kebenaran bertulis bagi pelajar yang menyimpan, memiliki atau mempunyai kenderaan motor di dalam kampus
37. Daftar kenderaan motor pelajar
38. Had laju
39. Kenderaan motor hendaklah dipandu hanya atas jalan raya
40. Meletak kereta secara menghalang
41. Menggunakan ruang letak kereta yang diuntukkan
42. Membonceng
43. Arahan dan isyarat lalu lintas
44. Pengeluaran lesen memandu dan kad matrikulasi
45. Halangan kepada aliran lalu lintas
46. Perbuatan di dalam Kampus yang adalah kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebagai kesalahan tatatertib
47. Hukuman tatatertib terus

## **BAHAGIAN V TATACARA TATATERTIB**

### *Kaedah*

48. Hukuman tatatertib
49. Kehadiran di hadapan pihak berkuasa tatatertib
50. Akibat tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib
51. Penjelasan fakta dan pengambilan rayuan
52. Pengakuan bersalah dan tatacara berikutnya
53. Tatacara apabila pelajar mengaku tidak bersalah
54. Keterangan pelajar
55. Memanggil semula saksi
56. Pengumuman keputusan
57. Pengenaan hukuman
58. Jagaan dan pelupusan barang kes
59. Nota bertulis mengenai prosiding tatatertib
60. Jagaan nota
61. Daftar prosiding tatatertib
62. Laporan prosiding kepada ibu bapa, Menteri, dsb

*Kaedah*

- 63. Bayaran denda
- 64. Tidak membayar denda
- 65. Perintah pampasan
- 66. Orang yang boleh hadir dalam prosiding tatatertib

**BAHAGIAN VI  
RAYUAN**

- 67. Notis rayuan
- 68. Penyampaian rayuan kepada Menteri
- 69. Tindakan Menteri ke atas rayuan
- 70. Rayuan tidak berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan hukuman

**BAHAGIAN VII  
AM**

- 71. Kesalahan tatatertib
- 72. Kaedah-Kaedah ini tidak mengurangkan tanggungan jenayah
- 73. Pembatalan

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971  
KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
(TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 1999**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16c Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Malaysia membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**BAHAGIAN 1  
PERMULAAN**

***Nama***

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

***Tafsiran***

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain;

“arahan lalu lintas” ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberi oleh seseorang orang yang diberi kuasa kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam Kampus;

“asrama” ertinya apa-apa kemudahan, dengan apa-apa jua nama yang dipanggil, yang disediakan oleh Universiti bagi kediaman pelajar;

“bilik tatatertib” ertinya sesuatu bilik yang diuntukkan bagi maksud menjalankan prosiding tatatertib amnya atau bagi maksud prosiding tatatertib yang tertentu;

“dadah” ertinya apa-apa dadah atau bahan yang pada masa ini disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234];

“isyarat lalu lintas” termasuklah isyarat, tiang isyarat amaran, tiang arahan, isyarat, tanda atau alat yang didirikan atau disediakan pada atau berhampiran dengan jalan untuk pengetahuan, panduan atau penunjuk orang yang menggunakan jalan;

“judi” ertinya bermain apa-apa permainan beradu nasib, atau gabungan beradu nasib dan kemahiran, bagi wang atau nilai wang, dan termasuklah apa-apa pertaganan, apa-apa pertaruhan atau apa-apa loteri;

“Kampus” ertinya Kampus Universiti Teknologi Malaysia termasuklah semua asrama, institusi dan bangunan Universiti;

“kakitangan” ertinya mana-mana pekerja Universiti;

“kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

“kenderaan motor” ertinya tiap-tiap perihalan kenderaan yang digerakkan oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor sama atau tidak bahagian dari kenderaan yang ditarik itu menindih atas kenderaan motor yang menariknya;

“kesalahan tata tertib” ertinya suatu kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah ini;

“meletak kereta” ertinya membawa sesuatu kenderaan ke keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkan kenderaan itu menunggu bagi apa-apa maksud selain mengambil atau menurunkan dengan serta merta orang, barang-barang atau bagasi;

“menipu” termasuklah meniru;

“minuman keras” ertinya apa-apa minuman keras yang mempunyai apa-apa kekuatan alkohol;

“Naib Canselor” ertinya Naib Canselor Universiti, dan termasuklah mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa oleh Naib Canselor untuk bertindak bagi pihaknya;

“orang yang diberi kuasa” ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihak Universiti;

“pelajar” termasuklah mana-mana pelajar lepasan ijazah, pelajar sambilan, pelajar di bawah rancangan pengajian jarak jauh atau luar Kampus, pelajar diploma, pelajar matrikulasi, pelajar bukan siswazah Universiti dan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus sepenuh masa atau sambilan di Universiti;

“pelajar pemegang biasiswa” termasuklah mana-mana pelajar yang sedang belajar atas biasiswa, dermasiswa, pinjaman, tajaan, cuti bergaji atau tanpa gaji, atau atas pemberian atau apa-apa kemudahan lain, daripada mana-mana Kerajaan, institusi, pihak berkuasa berkanun, organisasi perdagangan atau perniagaan atau badan lain;

“pelajar menetap” ertinya seseorang pelajar yang menetap di dalam asrama;

“pengetua” ertinya pegawai utama yang menjaga sesuatu asrama;

“peperiksaan” termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian yang menyebabkan markah atau gred diberikan bagi sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus tertentu;

“pihak berkuasa tatatertib” ertinya Naib Canselor atau, jika berkenaan, mana-mana Timbalan Naib Canselor, mana-mana anggota kakitangan, mana-mana pegawai atau mana-mana pekerja Universiti, atau mana-mana lembaga bagi anggota kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti, yang diwakili oleh Naib Canselor dengan tugas, kuasa atau kewajipan tatatertib di bawah subseksyen 16b (3) Akta;

“prosiding tatatertib” ertinya prosiding tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini;

“racun” ertinya apa-apa bahan yang dinyatakan melalui nama dalam ruang pertama Senarai Racun kepada Akta Racun 1952 [Akta 366] dan termasuklah apa-apa sediaan, larutan, sebatian, campuran atau bahan semulajadi yang mengandungi bahan itu.

## **BAHAGIAN II TATATERTIB AM**

### ***Larangan am***

3. Seseorang pelajar tidak boleh -

- (a) menjalankan urusannya, sama ada di dalam Kampus atau di luar Kampus, dalam apa-apa cara yang merosakkan atau memudaratkan -
  - (i) kepentingan, kesejahteraan atau nama baik Universiti, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti; atau
  - (ii) ketenteraman atau keselamatan awam, moral, kesopanan atau tatatertib;
- (b) mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam Kampus atau di luar Kampus;
- (c) mengganggu atau dalam apa-apa cara campur tangan, atau menyebabkan supaya diganggu atau dalam apa-apa cara campur tangan, apa-apa pengajaran, pengajian, penyelidikan, kerja pentadbiran, atau apa-apa kegiatan yang dijalankan oleh atau di bawah arahan atau dengan kebenaran Universiti;
- (d) melarang, menghalang atau mengganggu, atau menyebabkan supaya dilarang, dihalang atau diganggu, mana-mana pegawai atau pekerja Universiti atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan atau kebenaran pegawai atau pekerja itu, daripada menjalankan kerja, kewajipan atau tugasnya;
- (e) melarang atau menghalang, atau menyebabkan supaya dilarang atau dihalang, mana-mana pelajar daripada menghadiri mana-mana kuliah, tutorial atau kelas, atau daripada mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang sah;

- (f) menganjur, menghasut atau menyertai permulauan apa-apa peperiksaan, kuliah, tutorial, kelas atau kegiatan sah lain yang dijalankan oleh atau di bawah arahan, atau dengan kebenaran, Universiti;
- (g) merosak, mengubah, mengganggu, mengalih atau dalam apa-apa cara berurusan dengan apa-apa bahan, objek, artikel atau harta dalam Universiti;
- (h) melakukan apa-apa perbuatan atau menyebabkan apa-apa perbuatan dilakukan di dalam Kampus, supaya menyebabkan atau mungkin menyebabkan apa-apa halangan, kesulitan, kegusaran, kerugian atau kerosakan kepada mana-mana orang di dalam Universiti;
- (i) melanggar apa-apa arahan atau kehendak Pustakawan Universiti, anggota kakitangan perpustakaan atau pekerja perpustakaan lain berkenaan dengan penggunaan perpustakaan, buku-buku dalam perpustakaan dan kemudahan-kemudahan lain dalam perpustakaan;
- (j) melanggar apa-apa arahan atau kehendak seseorang orang yang diberi kuasa berkenaan dengan penggunaan mana-mana makmal, peralatan makmal, perkakas atau bahan, dan kemudahan lain dalam makmal.

### ***Menghadiri Kuliah***

- 4. (1) Jika seseorang pelajar dikehendaki hadir mana-mana kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berhubungan dengan kursus pengajiannya, dia tidak boleh tidak hadir kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya itu tanpa kebenaran terdahulu Dekan Fakulti, atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (2) Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenaran terdahulu diperolehi, pelajar hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas itu, memuaskannya hati Dekan atau Ketua, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan ketahadirannya itu.

### ***Sekatan ke atas penggunaan teks kuliah***

- 5. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), seseorang pelajar tidak boleh menggunakan teks mana-mana kuliah atau pengajaran yang disampaikan kepadanya di Universiti kecuali bagi maksud mengikuti kursus pengajiannya; terutamanya, dia tidak boleh membuat salinan dalam apa-apa cara tentang kesemua atau mana-mana bahagian teks itu bagi maksud penerbitan, pembahagian atau pengedaran, sama ada untuk bayaran atau tidak.
- (2) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai mengehadkan budi bicara Naib Canselor untuk mengeluarkan garis panduan bagi membenarkan seseorang pelajar, atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, membuat salinan teks mana-mana kuliah atau pengajaran di bawah kawalan dan arahan Naib Canselor, atau Dekan Fakulti, atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, dan Naib Canselor boleh mengenakan dalam garis panduan itu apa-apa terma dan syarat yang disifatkannya perlu

atau sesuai berkenaan dengan pengeluaran semula teks mana-mana kuliah atau pengajaran.

### ***Larangan terhadap plagiarisme***

6. (1) Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.
  - (2) Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah-
    - (a) perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau
    - (b) suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada beberapa sumber lain.
  - (3) Tanpa menjejaskan keluasan makna subkaedah (2), seseorang pelajar memplagiat apabila dia-
    - (a) menerbitkan, dengan dirinya sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang adalah keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain;
    - (b) menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku;
    - (c) memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai penyelidik bersama bagi penerbitan apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama;
    - (d) memetik data akademik yang adalah hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan, atau data yang diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal;
    - (e) menggunakan data penyelidikan yang diperolehi melalui kerja usaha sama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu anggota kakitangan atau pelajar Universiti sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademik yang berbeza yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan

- (f) menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;
- (g) menterjemahkan tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisannya atau ciptaannya sendiri; atau
- (h) memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa ubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusunnya semula dalam apa-apa cara yang seolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.

### ***Kehadiran dalam peperiksaan***

- 7. (1) Jika kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan dia hadir bagi sesuatu peperiksaan dan dia tidak selainnya dihalang daripada peperiksaan itu, dia tidak boleh tidak hadir tanpa kebenaran terdahulu Dekan Fakulti, atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (2) Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenaran terdahulu diperoleh, pelajar hendaklah memuaskan hati Dekan atau Ketua, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan ketakhadirannya dan memperoleh kelulusan berkenaan dengan ketakhadirannya itu.

### ***Kelakuan semasa peperiksaan***

8. Tiada pelajar boleh:-

- (a) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor;
- (b) menulis atau telah menulis melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya;
- (c) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau



- (d) menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

### ***Menganjurkan perhimpunan***

9. (1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh, tanpa kebenaran terdahulu Naib Canselor, mengadakan, menganjurkan, atau memanggil, atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan, atau dipanggil atau dalam apa-apa cara, terlibat dalam pengadaaan, penganjuran, atau pemanggilan, atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan, atau dipanggil atau, dalam apa-apa cara terlibat dalam melakukan apa-apa perbuatan untuk mengadakan, menganjurkan atau memanggil, apa-apa perhimpunan yang lebih daripada lima orang dalam mana-mana bahagian Kampus atau atas mana-mana tanah atau dalam mana-mana bangunan yang dipunyai oleh atau di bawah milikan atau kawalan Universiti atau yang digunakan bagi maksud Universiti.
- (2) Dalam memberi kebenaran yang tersebut dalam subkaedah (1), Naib Canselor boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang disifatkannya perlu atau sesuai.
- (3) Tiada pelajar boleh menghadiri atau menyertai sesuatu perhimpunan yang diadakan yang melanggar dengan subkaedah (1) atau (2).

### ***Pembesar suara***

10. (1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh memiliki, atau menggunakan, atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, bagi maksud ucapan awam, apa-apa pembesar suara, pelaung suara, penguat suara atau alat-alat serupa lain tanpa kelulusan terdahulu Naib Canselor.
- (2) Dalam memberikan kelulusan dalam subkaedah (1), Naib Canselor boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang dia sifatkan perlu atau sesuai.

### ***Sepanduk***

11. Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh -
- (a) membuat atau menyebabkan supaya dibuat atau melakukan apa-apa perbuatan untuk membuat atau menyebabkan supaya dibuat;
- (b) mengibar, mempamer, menunjukkan atau dalam apa-apa cara menggunakan, atau menyebabkan supaya dikibar, dipamer, ditunjukkan atau dalam cara menggunakan; atau
- (c) memiliki atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, apa-apa bendera, sepanduk,

plakad, poster, lambang atau alat lain yang membawa kepada keadaan tidak berdisiplin, kekacauan, keingkaran atau pelanggaran Kaedah-Kaedah ini.

### ***Penerbitan, dsb., dokumen***

12. (1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, tanpa kebenaran terdahulu Naib Canselor, boleh menerbitkan, membahagi-bahagikan atau mengedarkan apa-apa dokumen di dalam Kampus atau di luar Kampus.
- (2) Dalam memberikan kebenaran di bawah subkaedah (1), Naib Canselor boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang dia fikirkan perlu atau sesuai.
- (3) Kebenaran yang dikehendaki di bawah kaedah ini hendaklah sebagai tambahan bagi apa-apa lesen, permit atau apa-apa bentuk lain pemberikuasaan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

### ***Kegiatan pelajar di luar Kampus***

13. (1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar Kampus yang mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada Universiti atau yang memudaratkan kepentingan Universiti.
- (2) Naib Canselor boleh mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan kegiatan yang memudaratkan kepentingan Universiti.

### ***Pelajar yang melibatkan diri dalam pekerjaan, dsb.***

14. Tiada pelajar boleh, di dalam Kampus atau di luar Kampus, melibatkan diri dalam apa-apa pekerjaan, penggajian, perniagaan, perdagangan atau kegiatan lain, sama ada atas dasar sepenuh masa atau sambilan, yang pada pendapat Naib Canselor tidak diingini.

### ***Representasi berhubungan dengan Universiti***

15. Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh, tanpa kelulusan Naib Canselor terlebih dahulu, membuat apa-apa representasi atau apa-apa perhubungan lain, sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa cara lain, kepada mana-mana pegawai awam atau kepada akhbar atau kepada orang ramai dalam perjalanan kuliah, ucapan atau pernyataan awam atau dalam perjalanan apa-apa penyiaran melalui bunyi atau gambar yang berhubungan dengan sesuatu perkara berkaitan dengan Universiti atau dengan kakitangan atau pelajar Universiti atas sifat mereka sebagai kakitangan atau pelajar Universiti atau berkaitan dengan dirinya atas sifatnya sebagai seorang pelajar Universiti.

***Bantahan pelajar terhadap kemasukan orang ke dalam Kampus***

16. Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh membuat apa-apa bantahan, sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa cara lain, terhadap kemasukan ke dalam, atau kehadiran dalam, atau larangan atau pemecatan mana-mana orang, badan atau kumpulan orang dari Kampus.

***Judi di dalam Kampus***

17. (1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjur, mengurus, menjalankan atau membantu dalam penganjuran, pengurusan atau perjalanan, atau mengambil bahagian dalam, apa-apa perjudian, pertaganan, loteri atau pertaruhan di dalam Kampus.
- (2) Larangan dalam subkaedah (1) tidak terpakai bagi apa-apa perjudian, pertaganan, loteri atau pertaruhan di dalam Kampus yang dianjurkan, diurus atau dijalankan oleh Universiti mengikut mana-mana undang-undang bertulis.

***Meminum minuman keras dan berkelakuan tidak senonoh***

18. (1) Tiada pelajar boleh, di dalam Kampus, meminum atau mempunyai di dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa minuman keras.
- (2) Mana-mana pelajar yang didapati berada dalam keadaan mabuk atau yang berkelakuan tidak senonoh di bawah pengaruh minuman keras, di dalam Kampus adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

***Artikel lucah***

19. (1) Tiada pelajar boleh, di dalam Kampus mempunyai, dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa artikel lucah.
- (2) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh membahagi-bahagikan, mengedarkan atau mempamerkan, atau menyebabkan supaya dibahagi-bahagikan, diedarkan atau dipamerkan atau dalam apa-apa cara mengambil bahagian dalam pembahagian, pengedaran atau pempameran, apa-apa artikel lucah di dalam Kampus.
- (3) Seseorang pelajar hendaklah disifatkan sebagai membahagi-bahagikan, mengedarkan atau mempamerkan sesuatu artikel lucah, tidak kira sama ada pembahagian, pengedaran atau pempameran itu kepada satu orang sahaja atau kepada lebih daripada satu orang dan tidak kira sama ada atau tidak pembahagian, pengedaran atau pempameran itu adalah bagi bayaran atau bagi apa-apa balasan lain.

### ***Dadah dan racun***

20. (1) Tiada pelajar boleh mempunyai dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa dadah atau racun.
- (2) Tiada pelajar boleh memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa dadah atau racun kepada mana-mana orang.
- (3) Tiada pelajar boleh makan melalui mulut atau menghisap atau menyedut, atau memasukkan ke dalam badannya dengan suntikan atau dalam apa-apa jua cara lain, apa-apa dadah atau racun.
- (4) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada menjalani apa-apa rawatan oleh atau di bawah preskripsi pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].
- (5) Mana-mana pelajar yang didapati di bawah pengaruh mana-mana dadah atau racun adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.
- (6) Naib Canselor boleh menghendaki seorang pelajar yang disyaki menagih dadah menjalani ujian air kencing.
- (7) Jika seseorang pelajar enggan menyerahkan dirinya untuk menjalani ujian yang tersebut dalam subkaedah (6), dia adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

### ***Kebersihan di dalam Kampus***

21. Seseorang pelajar tidak boleh melakukan apa-apa yang boleh menjejaskan kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam Kampus, atau mana-mana asrama, dewan kuliah, jalan, kawasan atau mana-mana bahagian Kampus lain, atau mana-mana bangunan atau binaan lain di dalam Kampus.

### ***Membuat bising***

22. Seseorang pelajar tidak boleh membuat apa-apa bunyi atau bising, atau menyebabkan apa-apa bunyi atau bising dikeluarkan, dalam apa-apa cara jika bunyi bising itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan kemarahan atau gangguan kepada mana-mana orang di Kampus.

### ***Pemeriksaan ke atas pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental***

23. Naib Canselor boleh menghendaki seseorang pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental menjalani pemeriksaan perubatan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan.

***Tempat tinggal atau tempat tidur dalam Kampus***

24. Tiada pelajar boleh menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bahagian Kampus atau mana-mana bahagian bangunan di dalam Kampus sebagai tempat tinggal atau tempat tidur, kecuali tempat tinggal yang disediakan untuknya di dalam asrama oleh Universiti.

***Memasuki bahagian atau bangunan Kampus yang dilarang***

25. Seseorang pelajar tidak boleh masuk ke dalam mana-mana bahagian Kampus atau mana-mana bahagian mana-mana bangunan di dalam Kampus, yang kemasukan ke dalamnya dilarang kepada pelajar amnya atau, terutamanya, kepada pelajar atau sesuatu kelas pelajar.

***Pakaian pelajar***

26. Naib Canselor boleh mengeluarkan apa-apa arahan, secara bertulis, yang difikirkannya perlu yang berhubungan dengan cara berpakaian pelajar di dalam Kampus.

***Keingkaran***

27. Jika seseorang pelajar melanggar apa-apa arahan atau kehendak yang sah yang diberikan atau dibuat oleh mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang diberi kuasa untuk memberi atau membuat arahan atau kehendak di dalam Kampus, pelajar itu adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

### **BAHAGIAN III TATATERTIB ASRAMA**

***Memasuki atau berada di dalam bilik pelajar menetap***

28. (1) Tiada seorang pun boleh memasuki sesuatu bilik di dalam asrama yang diduduki oleh seseorang pelajar menetap kecuali pelajar menetap itu sendiri.
- (2) Subkaedah (1) tidak terpakai-
- (a) bagi seseorang orang yang diberi kuasa yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya;
  - (b) bagi seseorang yang memasuki bilik itu mengikut apa-apa kebenaran yang diberi oleh, atau bagi pihak, Pengetua; dan
  - (c) bagi pelajar menetap daripada jantina yang sama yang memasuki bilik itu untuk melawat bagi maksud sosial biasa.

- (3) Maka hendaklah menjadi kewajipan seseorang pelajar menetap untuk memastikan bahawa sekatan dalam kaedah ini betul-betul dipenuhi.

***Menghalang, dsb., pegawai-pegawai, dsb., daripada masuk dan menjalankan tugas***

29. Seseorang pelajar menetap tidak boleh melakukan apa-apa untuk menghalang atau melarang seseorang orang yang diberi kuasa daripada memasuki bilik pelajar menetap itu dan menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya di dalam bilik itu.

***Berada di luar asrama pada waktu malam***

30. Seseorang pelajar menetap tidak boleh berada di luar asrama selepas tengah malam kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

***Berada di dalam premis asrama selepas tengah malam***

31. Selepas tengah malam, kecuali pelajar-pelajar menetap di dalam asrama mereka masing-masing, tiada pelajar lain boleh berada di dalam premis asrama kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

***Menggunakan premis asrama dengan cermat dan larangan kacau ganggu***

32. (1) Seseorang pelajar hendaklah menggunakan premis asrama dengan cermat yang sewajarnya dan tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain pada mana-mana bahagian kawasan atau bangunan atau pada apa-apa benda atau lekapan di dalamnya.
- (2) Seseorang pelajar hendaklah, dalam menggunakan premis asrama dan kemudahan-kemudahan di dalamnya, mengambil langkah berhati-hati bagi memastikan bahawa dia tidak menyebabkan apa-apa kesulitan, kegusaran, halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang lain.

***Bertukar bilik tanpa kebenaran terdahulu***

33. Jika seseorang pelajar diuntukkan sebuah bilik di asrama untuk tinggal oleh Universiti, dia tidak boleh bertukar ke mana-mana bilik lain tanpa mendapat kebenaran terdahulu secara bertulis yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

***Berpindah tempat tinggal***

34. (1) Seseorang pelajar menetap tinggal di asrama mengikut budi bicara dan kehendak mutlak Universiti.

- (2) Universiti boleh menghendaki seseorang pelajar menetap mengosongkan biliknya di asrama atau memindahkannya ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh Universiti pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa alasan.
- (3) Jika seseorang pelajar menetap dikehendaki mengosongkan biliknya di asrama atau ditukarkan di bawah subkaedah (2), dia hendaklah dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti mengeluarkan semua barang kepunyaannya dari bilik yang dia dikehendaki mengosongkan.

***Kuasa Pengetua untuk memberi perintah, dsb., berkenaan dengan ketenteraman dan tata tertib***

35. (1) Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Naib Canselor boleh, dari semasa ke semasa, memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang difikirkannya perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman dan tata tertib di dalam asrama.
- (2) Perintah, arahan atau petunjuk itu boleh secara amnya terpakai bagi semua pelajar atau sesuatu kelas atau perihal pelajar atau seseorang pelajar tertentu, dan hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang kepadanya perintah, arahan atau petunjuk itu terpakai untuk mematuhi dan melaksanakan perintah, arahan atau petunjuk itu.
- (3) Pihak berkuasa tata tertib boleh pada budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tata tertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tata tertib terus dengan denda tidak melebihi lima puluh ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana perintah arahan atau petunjuk:

Dengan syarat bahawa sebelum hukuman itu dikenakan ke atas pelajar, pihak berkuasa tata tertib hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tata tertib yang dilakukan olehnya dan memberinya suatu peluang untuk membuat, dengan serta-merta, representasi lisan berkenaan dengan kesalahan itu.

- (4) Setelah pengenaan hukuman yang tersebut dalam subkaedah (3), pihak berkuasa tata tertib hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar suatu notis bertulis tentang pengenaan hukuman itu dalam apa-apa bentuk yang diarahkan oleh Naib Canselor, dan berkenaan dengan denda yang dikenakan peruntukan kaedah 63 dan 64 hendaklah terpakai.

## **BAHAGIAN IV TATATERTIB LALU LINTAS JALAN**

### ***Kebenaran bertulis bagi pelajar yang menyimpan, memiliki atau mempunyai kenderaan motor di dalam Kampus***

36. (1) Seseorang pelajar yang bercadang untuk menyimpan, mempunyai dalam milikannya atau mempunyai apa-apa kenderaan motor di dalam Kampus hendaklah, pada mulanya, memohon dan memperoleh daripada Naib Canselor suatu kebenaran bertulis berkenaan dengan kenderaan motor itu; permohonan dan kebenaran bertulis itu hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor, tertakluk kepada subkaedah (2).
- (2) Permohonan bagi kebenaran itu hendaklah dibuat oleh pelajar secara bertulis dengan menyatakan perihalan kenderaan motor itu dan hendaklah disertai dengan lesen kenderaan motor semasa dan polisi insurans pihak ketiga semasa berkenaan dengan kenderaan motor itu dan lesen memandu yang sah berkenaan dengan pemohon itu.
- (3) Kebenaran Naib Canselor hendaklah dipamerkan pada bila-bila masa secara mudah dilihat di atas kenderaan motor.
- (4) Kebenaran itu hendaklah diperbaharui pada setiap tahun dan peruntukan subkaedah (1) dan (2) hendaklah terpakai mutatis mutandis bagi sesuatu permohonan untuk pembaharuan.
- (5) Naib Canselor boleh enggan memberi kebenaran atau membatalkan apa-apa kebenaran yang diberikan jika dia berpuas hati bahawa kebenaran atau pembatalan apa-apa kebenaran yang diberikan itu bukan untuk kepentingan Universiti bagi pelajar memegang kebenaran itu.

### ***Daftar kenderaan motor pelajar***

37. Naib Canselor hendaklah menyebabkan supaya disenggarakan suatu daftar bagi semua kenderaan motor yang disimpan, dimiliki atau dipunyai oleh pelajar dalam Kampus dalam apa-apa bentuk yang difikirkan patut oleh Naib Canselor.

### ***Had laju***

38. Tiada pelajar boleh memandu kenderaan motor di dalam Kampus pada kelajuan yang lebih daripada yang ditunjukkan oleh isyarat lalu lintas.

### ***Kenderaan motor hendaklah dipandu hanya atas jalan raya***

39. Tiada pelajar boleh memandu kenderaan motor di mana-mana tempat selain di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalan laluan bagi kenderaan motor; khususnya, tiada kenderaan motor boleh dipandu oleh pelajar di atas laluan jalan kaki, bahu jalan, tepi rumput, lorong jalan kaki, koridor, beranda, kaki lima, laman



dalam atau dalam mana-mana bahagian mana-mana bangunan atau tempat lain sama ada di sisi jalan laluan atau selainnya, yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan secara khas untuk laluan kenderaan motor.

### ***Meletak kereta secara menghalang***

40. Tiada pelajar boleh meletak apa-apa kenderaan dimana-mana tempat atau dalam apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan atau kesulitan kepada mana-mana orang atau kenderaan motor lain.

### ***Menggunakan ruang letak kereta yang diuntukkan***

41. Jika suatu ruang letak kereta diuntukkan bagi kenderaan motor tertentu, tiada pelajar boleh meletak kenderaan motor lain dalam ruang letak kereta itu.

### ***Membonceng***

42. (1) Seseorang pelajar yang memandu motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada satu orang di atas motosikal itu.

(2) Tiada pelajar boleh membawa seseorang di atas motosikal beroda dua melainkan jika orang itu duduk menunggang motosikal itu di belakang tempat duduk pemandu di atas tempat duduk yang direka bentuk dengan sempurna dan dipasang dengan kukuh pada motosikal itu.

(3) Seseorang pelajar tidak boleh membenarkan dirinya dibawa di atas motosikal beroda dua yang dipandu oleh seseorang, sama ada seorang pelajar atau bukan yang berlanggaran dengan subkaedah (1) atau (2).

### ***Arahan dan isyarat lalu lintas***

43. Seseorang pelajar hendaklah mematuhi semua arahan lalu lintas dan isyarat lalu lintas.

### ***Pengeluaran lesen memandu dan kad matrikulasi***

44. Mana-mana pelajar yang memandu atau yang menjaga atau mengawal sesebuah kenderaan motor hendaklah membawa bersamanya suatu lesen memandu yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dan kad matrikulasinya dan hendaklah mengeluarkan lesen memandu atau kad matrikulasi untuk diperiksa oleh seseorang orang yang diberi kuasa dikehendaki berbuat demikian.

### ***Halangan kepada aliran lalulintas***

45. Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan dalam apa-apa cara, atau melakukan apa-apa perbuatan, yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang licin dan teratur di dalam Kampus.

### ***Perbuatan di dalam Kampus yang adalah kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebagai kesalahan tatatertib***

46. (1) Seseorang pelajar melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini jika dia melakukan apa-apa perbuatan di dalam Kampus yang adalah suatu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu atau disifatkan telah dibuat di bawah Akta itu.
- (2) Maka hendaklah menjadi suatu pembelaan bagi apa-apa pertuduhan kesalahan tatatertib di bawah subkaedah (1) jika seseorang pelajar mengemukakan keterangan untuk kan bahawa dia telah atau sedang dalam proses menghadapi tindakan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu atau disifatkan telah dibuat di bawah Akta itu bagi kesalahan itu.

### ***Hukuman tatatertib terus***

47. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh pada budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan amaran atau denda tidak melebihi lima puluh ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Bahagian ini dengan kehadiran atau pendapat pihak berkuasa tatatertib:

Dengan syarat bahawa sebelum apa-apa hukuman dikenakan ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya suatu peluang untuk membuat, dengan serta-merta, representasi lisan berkenaan dengan kesalahan itu.

- (2) Setelah pengenaan hukuman yang disebut dalam subkaedah (1), pihak berkuasa tatatertib hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar suatu notis bertulis tentang pengenaan hukuman itu dalam apa-apa bentuk yang diarahkan oleh Naib Canselor, dan jika hukuman yang dikenakan adalah suatu denda peruntukan kaedah 63 dan 64 hendaklah terpakai.

## BAHAGIAN V TATACARA TATATERTIB

### ***Hukuman tatatertib***

48. Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut :-
- (a) amaran;
  - (b) denda tidak melebihi dua ratus ringgit;
  - (c) dilarang daripada mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
  - (d) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
  - (e) dipecat dari Universiti.

### ***Kehadiran di hadapan pihak berkuasa tatatertib***

49. Jika pada pendapat pihak berkuasa tatatertib bahawa seseorang pelajar telah melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahu pelajar tentang kesalahan tatatertib yang didakwa itu dan menghendaki pelajar itu hadir di hadapannya di suatu bilik tatatertib pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib.

### ***Akibat tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib***

50. Jika seseorang pelajar tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib mengikut kaedah 49, dia hendaklah dengan serta-merta digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan tidak boleh selepas itu berada di dalam atau memasuki Kampus; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga pelajar menawar untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib dan ada, hakikatnya, hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib pada tarikh dan pada masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib selepas pelajar itu menawarkan untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib.

### ***Penjelasan fakta dan pengambilan rayuan***

51. Dalam prosiding tatatertib, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menjelaskan kepada pelajar tentang fakta kesalahan tatatertib yang didakwa telah dilakukan oleh pelajar dan meminta pelajar membuat pengakuan atas kesalahan itu.

### ***Pengakuan bersalah dan tatacara berikutnya***

52. (1) Jika pelajar mengaku salah, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menerangkan kepadanya tentang fakta kes.
- (2) Jika pelajar mengaku tentang fakta ini dan pihak berkuasa tatatertib berpuas hati bahawa suatu kesalahan pada hakikatnya telah dilakukan daripada fakta tersebut, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan dia bersalah atas kesalahan tatatertib dan memintanya untuk mengemukakan apa-apa rayuan untuk meringankan hukuman.

### ***Tatatertib apabila pelajar mengaku tidak bersalah***

53. (1) Jika pelajar mengaku bahawa dia tidak bersalah atas kesalahan tatatertib atau gagal atau enggan membuat pengakuan atau tidak mengaku akan fakta kes, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memeriksa mana-mana saksi atau apa-apa dokumen atau artikel lain bagi menyokong kes terhadap pelajar; pelajar hendaklah diminta menyoal saksi dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel dan pihak berkuasa tatatertib boleh memeriksa semula saksi.
- (2) Bagi maksud subkaedah (1), saksi hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan dalam pembicaraan oleh Naib Canselor.

### ***Keterangan pelajar***

54. Selepas keterangan yang tersebut dalam kaedah 53 diterima, dan pihak berkuasa tatatertib mendapati bahawa ada suatu kes untuk dijawab, pelajar hendaklah diminta memberi keterangannya, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau apa-apa artikel lain bagi pembelaannya; pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal pelajar atau mana-mana daripada saksi pelajar dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel, dan pelajar boleh memeriksa semula mana-mana daripada saksinya itu.

### ***Memanggil semula saksi***

55. Pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal atau memanggil semula mana-mana saksi pada bila-bila masa sebelum pihak berkuasa itu mengumumkan keputusannya.

### ***Pengumuman keputusan***

56. Selepas mendengar keterangan saksi-saksi dan memeriksa dokumen atau artikel lain yang ikemukakan di hadapannya, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan keputusannya dalam kes itu, dan jika pihak berkuasa itu memutuskan bahawa pelajar adalah bersalah atas kesalahan tatatertib, pihak berkuasa itu hendaklah meminta pelajar membuat apa-apa rayuan untuk meringankan hukumannya.

### ***Pengenaan hukuman***

57. Selepas pelajar mengemukakan hujah bagi meringankan hukumannya, jika ada, di bawah kaedah 52 atau 56, mengikut mana-mana yang berkenaan, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengenakan ke atas pelajar satu daripada hukuman yang dinyatakan dalam kaedah 48 atau mana-mana dua atau lebih gabungan hukuman yang sesuai.

### ***Jagaan dan pelupusan barang kes***

58. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh memerintahkan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan mana-mana prosiding tatatertib supaya disimpan dalam jagaannya atau dalam jagaan orang yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tatatertib sementara menanti tamatnya prosiding tatatertib itu.
- (2) Pihak berkuasa tatatertib hendaklah, apabila tamat prosiding tatatertib di hadapannya, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk melupuskan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan prosiding tatatertib, dan boleh mengarahkan supaya perintah itu mula berkuat kuasa sama ada secara serta merta atau pada suatu masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib itu.
- (3) Kuasa pihak berkuasa tatatertib di bawah subkaedah (2) hendaklah termasuk kuasa untuk memerintahkan pemusnahan apa-apa dokumen atau artikel lain atau perlucuthakan dokumen atau artikel lain kepada Universiti.

### ***Nota bertulis mengenai prosiding tatatertib***

59. Pihak berkuasa tatatertib, hendaklah membuat atau menyebabkan supaya dibuat nota-nota bertulis mengenai semua prosiding tatatertib di hadapannya tetapi nota-nota itu tidak perlu dibuat kata demi kata.

### ***Jagaan nota***

60. Nota-nota mengenai prosiding tatatertib hendaklah disimpan dalam jagaan Naib Canselor.

### ***Daftar prosiding tatatertib***

61. Naib Canselor hendaklah menyenggara suatu daftar bagi semua prosiding tatatertib yang dijalankan di bawah Kaedah-Kaedah ini, daftar itu hendaklah merekodkan nama pelajar, butir-butir kesalahan tatatertib, kemajuan perjalanan prosiding, keputusan prosiding, dan maklumat-maklumat atau butir-butir lain sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor.

**Laporan prosiding kepada ibu bapa, Menteri, dsb.**

62. (1) Jika seseorang pelajar telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, Naib Canselor hendaklah menghantar suatu laporan berkenaan dengan prosiding tatatertib itu kepada orang-orang yang berikut:
- (a) Menteri;
  - (b) ibu bapa atau penjaga pelajar;
  - (c) dalam hal pelajar pemegang biasiswa, kepada pihak berkuasa atau badan penaja biasiswa atau pemberi biasiswa itu; dan
  - (d) dalam hal pelajar yang juga seorang pekerja Kerajaan, kepada Ketua Jabatan pekerja itu.
- (2) Orang yang tersebut dalam perenggan (b) hingga (d) subkaedah (1) hendaklah atas permohonan diberikan salinan nota prosiding tatatertib yang ditentukan setelah dibayar fi yang ditetapkan oleh Naib Canselor, yang fi itu tidak boleh, dalam apa-apa hal, lebih daripada lima puluh ringgit.
- (3) Suatu salinan nota prosiding tatatertib yang ditentukan berkenaan dengan mana-mana kes tertentu hendaklah diberi oleh Naib Canselor kepada Menteri jika Menteri berkehendakkan nota prosiding itu.

**Bayaran denda**

63. (1) Jika pihak berkuasa tatatertib mengenakan hukuman denda ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menyatakan tempoh yang denda hendaklah dibayar dan pelajar hendaklah membayar denda dalam tempoh tersebut kepada Bendahari.
- (2) Tempoh yang tersebut dalam subkaedah (1) hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh keputusan pihak berkuasa tatatertib.

**Tidak membayar denda**

64. Jika pelajar tidak membayar denda dalam tempoh yang ditetapkan, dia hendaklah dengan serta-merta digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan tidak boleh selepas itu berada di dalam atau memasuki Kampus, penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga denda dibayar.

**Perintah pampasan**

65. (1) Jika apa-apa hukuman tatatertib telah dikenakan ke atas seseorang pelajar, pihak berkuasa tatatertib boleh, sebagai tambahan, memerintah pelajar membayar pampasan sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa

tatatertib berkenaan dengan apa-apa kerosakan pada mana-mana harta atau apa-apa kerugian atau kecederaan kepada mana-mana orang yang pelajar itu mungkin didapati bertanggungjawab atasnya oleh pihak berkuasa tatatertib.

- (2) Seseorang pelajar boleh diperintahkan membayar pampasan di bawah kaedah ini tidak kira sama ada harta yang rosak itu kepunyaan Universiti atau mana-mana orang lain.
- (3) Amaun pampasan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib di bawah subkaedah (1) hendaklah amaun yang adil dan munasabah dengan mengambil kira semua hal perkara kes dan orang yang terlibat dalam kes itu.
- (4) Pampasan yang ditetapkan di bawah subkaedah (1) hendaklah dibayar oleh pelajar kepada Bendahari dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib.
- (5) Peruntukan kaedah 61 hendaklah terpakai mutatis mutandis jika pelajar gagal membayar pampasan yang ditetapkan di bawah subkaedah (1) dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subkaedah (4).
- (6) Bendahari hendaklah membayar pampasan yang dibayar oleh pelajar di bawah subkaedah (4) kepada orang yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib sebagai orang yang berhak menerima bayaran.
- (7) Apa-apa pampasan yang kena dibayar atau dibayar di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah tanpa menjejaskan hak mana-mana orang untuk memulakan prosiding sivil dalam mahkamah undang-undang bagi kerosakan atau pampasan berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan yang tersebut dalam subkaedah (1), atau hak mana-mana orang untuk menerima apa-apa bayaran atau pampasan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan itu.

### ***Orang yang boleh hadir dalam prosiding tatatertib***

66. Tiada seorang pun boleh hadir dalam sesuatu prosiding tatatertib kecuali-

- (a) anggota pihak berkuasa tatatertib;
- (b) pelajar yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil;
- (c) ibu bapa atau penjaga pelajar;
- (d) saksi semasa dia memberi keterangan, atau apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa tatatertib; dan
- (e) mana-mana orang lain yang dibenarkan hadir oleh pihak berkuasa tatatertib bagi apa-apa sebab yang tertentu.

## BAHAGIAN VI RAYUAN

### ***Notis rayuan***

67. (1) Jika seseorang pelajar tidak berpuas hati dengan keputusan suatu pihak berkuasa tatatertib, dia boleh memberi notis secara bertulis tentang niatnya untuk merayu terhadap keputusan itu dengan memfailkan dengan Naib Canselor suatu notis rayuan dalam dua salinan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu disampaikan kepadanya.
- (2) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan dengan jelas alasan-alasan rayuan.

### ***Penyampaian rayuan kepada Menteri***

68. Naib Canselor hendaklah, apabila menerima notis rayuan, mengemukakan notis rayuan itu kepada Menteri bersama dengan suatu salinan nota prosiding tatatertib yang berkenaan dengannya notis rayuan itu diberi dan alasan keputusan.

### ***Tindakan Menteri ke atas rayuan***

69. (1) Menteri boleh, apabila menerima dokumen yang tersebut dalam kaedah 65 daripada Naib Canselor, meminta apa-apa maklumat atau butir-butir lanjut yang berhubungan dengan prosiding tatatertib sebagaimana yang dia fikirkan patut.
- (2) Jika Menteri menolak terus rayuan di bawah subseksyen 16B(4) Akta, keputusan Menteri hendaklah disampaikan kepada pelajar melalui Naib Canselor.
- (3) Jika Menteri melantik suatu jawatankuasa di bawah subseksyen 16B(5) Akta untuk menimbangkan rayuan itu, keputusan Menteri mengenai rayuan itu yang dibuat selepas menerima syor jawatankuasa hendaklah disampaikan kepada pelajar melalui Naib Canselor.

### ***Rayuan tidak berkuat kuasa sebagai penggantung pelaksanaan hukuman***

70. Sesuatu rayuan oleh seseorang pelajar tidak berkuat kuasa sebagai menggantung pelaksanaan hukuman yang dikenakan atau sebagai menggantung pembayaran apa-apa pampasan yang diperintahkan dibayar, melainkan jika Naib Canselor atau Menteri mengarahkan sebaliknya.



## BAHAGIAN VII AM

### ***Kesalahan tata tertib***

71. Seseorang pelajar yang melanggar mana-mana Kaedah-Kaedah ini, atau mana-mana garis panduan, arahan, petunjuk, sekatan, syarat atau terma yang dikenakan atau diberikan di bawah Kaedah-Kaedah ini, adalah melakukan suatu kesalahan tata tertib.

### ***Kaedah-Kaedah ini tidak mengurangkan tanggungan jenayah***

72. Tiada apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pelajar atau orang lain bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

### ***Pembatalan***

73. Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1975 [P.U.(A) 386/75] adalah dibatalkan.

Dibuat 6 September 1999

[KP (PUU)S 10075/07/2/Jld. III; PN( PU2 )75G/1]

**TAN SRI DATO' PADUKA SALLEHUDDIN MOHAMED**

Pengerusi,  
Lembaga Pengarah  
Universiti Teknologi Malaysia



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**CABUTAN DARI AKTA UNIVERSITI DAN  
KOLEJ UNIVERSITI 1971 (AKTA 30)  
(PINDAAN 2012)**

BUKU PERATURAN  
**MAHASISWA**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**SEKSYEN 15: AKTIVITI PELAJAR ATAU PERSATUAN, PERTUBUHAN BADAN ATAU KUMPULAN PELAJAR**

15. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang pelajar Universiti boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, termasuk mana-mana parti politik.
- (2) Seseorang pelajar Universiti tidak boleh-
- (a) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia.
  - (b) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu; atau
  - (c) terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.
- (3) Seseorang pelajar Universiti dan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, tidak boleh menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap-
- (a) mana-mana persatuan, pertubuhan badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau
  - (b) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.
- (4) Walau apa pun subseksyen (3), seseorang pelajar Universiti tidak boleh dihalang daripada-
- (a) membuat pernyataan mengenai sesuatu perkara akademik yang berhubungan dengan perkara yang pelajar itu terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya; atau

- (b) menyatakan pendirian mengenai perkara yang disebut dalam perenggan (a) dalam sesuatu seminar, simposium atau majlis seumpamanya yang tidak dianjurkan atau ditaja oleh mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga di bawah perenggan (3)(b) sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.
- (5) Universiti hendaklah mengawal selia aktiviti pelajar dan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti di dalam Kampus.

**SEKSYEN 15A : PELAJAR ATAU PERTUBUHAN, BADAN ATAU KUMPULAN PELAJAR DILARANG MEMUNGUT WANG**

- 15A. (1) Tiada seseorang pelajar Universiti, atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti, boleh, di dalam atau di luar Kampus, atau di dalam atau di luar Malaysia, memungut atau cuba memungut, atau menganjurkan atau cuba menganjurkan apa-apa pemungutan, atau membuat apa-apa rayuan secara lisan atau secara bertulis atau selainnya atau cuba membuat sesuatu rayuan itu untuk, apa-apa wang atau harta lain daripada sesiapa jua, iaitu bukan wang atau harta yang genap atau hampir genap masanya diperoleh di bawah atau menurut mana-mana undang-undang bertulis, kontrak atau lain-lain kewajipan lain di sisi undang-undang.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) boleh dikenakan indakan tatatertib.
- (3) Naib Canselor boleh, dalam mana-mana hal tertentu, memberikan pengecualian kepada mana-mana orang daripada pemakaian subseksyen (1), tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut; dan
- (4) (Dipotong oleh Akta A1342)
- (5) Peruntukan seksyen ini adalah tambahan kepada dan tidak mengurangkan kuasa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pungutan rumah ke rumah dan di jalan, pungutan-pungutan awam, atau pungutan wang atau jualan lencana.

**SEKSYEN 15B : TANGGUNGAN PELAJAR ATAU PERTUBUHAN, BADAN ATAU KUMPULAN PELAJAR**

- 15B. Jika suatu kesalahan boleh daftar telah dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan kesalahan itu telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan atas nama atau bagi pihak mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, tiap-tiap orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh dikenakan tindakan tatatertib dan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar itu hendaklah diuruskan mengikut seksyen 16.

**SEKSYEN 15D: PENGGANTUNGAN PELAJAR YANG DIPERTUDUH ATAS KESALAHAN BOLEH DAFTAR DAN PERKARA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENAHANAN, DSB.**

- 15D. (1) Jika seseorang pelajar Universiti dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar :-

- (a) dia boleh, mengikut budi bicara Naib Canselor, digantung daripada menjadi seorang pelajar; dan
  - (b) jika digantung sedemikian, dia tidak boleh semasa prosiding jenayah belum selesai, berada dalam atau memasuki Kampus.
- (2) Jika seseorang pelajar Universiti yang dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar di bawah subseksyen (1) disabitkan atas kesalahan itu, pelajar itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- (3) Jika seseorang pelajar Universiti ditahan atau tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan ke atasnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, pelajar itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- (4) Seseorang pelajar Universiti yang ditahan atau tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan ke atasnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, atau dipenjarakan atau ditahan bagi apa-apa jua sebab, boleh, dengan persetujuan Senat, dibenarkan untuk menduduki peperiksaan Universiti itu tertakluk kepada apa-apa perintah yang dibuat atau kelulusan yang diberikan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri atau mana-mana pihak berkuasa berwajib lain, mengikut kehendak keadaan.
- (5) Seseorang pelajar Universiti yang digantung daripada menjadi pelajar Universiti itu di bawah subseksyen (1) boleh, semasa dia digantung sedemikian, diterima masuk sebagai pelajar mana-mana Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta ini dengan kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberikan kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.
- (6) Seseorang pelajar Universiti yang terhenti menjadi seorang pelajar di bawah Akta ini boleh diterima masuk sebagai pelajar Universiti itu atau mana-mana Universiti lain yang ditubuhkan di bawah Akta ini dengan kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberikan kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.
- (7) Jika penentuan mana-mana permohonan, rayuan atau prosiding lain oleh mahkamah berkenaan dengan mana-mana prosiding jenayah terhadap seseorang pelajar Universiti bagi suatu kesalahan boleh daftar, berkeputusan dengan pelepasan atau pembebasannya, pelajar itu, jika digantung daripada Universiti atau telah menjalani apa-apa tempoh pemenjaraan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dibenarkan untuk menyambung semula pengajiannya di Universiti itu dan tempoh penggantungan atau pemenjaraan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan tidak boleh diambil kira dalam mengira tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menyempurnakan kursus pengajian dan dalam pengiraan keputusannya.

- (8) Jika penentuan mana-mana permohonan, petisyen, rayuan atau prosiding lain oleh mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa berwajib dikenakan dengan perintah tahanan terhadap atau perintah yang mengenakan sekatan ke atas seseorang pelajar Universiti di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau sekatan yang dikenakan ke atasnya dibatalkan, pelajar itu hendaklah dibenarkan untuk menyambung semula pengajiannya di Universiti itu dan tempoh tahanan dan sekatan yang dia tertakluk kepadanya tidak boleh diambil kira dalam mengira tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menyempurnakan kursus pengajian dan dalam pengiraan keputusannya.

**SEKSYEN 16 : KUASA NAIB CANSELOR UNTUK MENGGANTUNG ATAU MEMBUBARKAN MANA-MANA PERTUBUHAN, BADAN ATAU KUMPULAN PELAJAR**

16. (1) Jika mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti menjalankan urusannya dengan cara yang, pada pendapat Naib Canselor, boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan atau kesentosaan Universiti, atau kepada kepentingan atau kesentosaan mana-mana daripada pelajar atau pekerja Universiti, atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam, atau jika mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan itu melanggar mana-mana undang-undang bertulis, Naib Canselor boleh selepas memberikan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti itu suatu peluang untuk membuat representasi bertulis, menggantung atau membubarkan pertubuhan, badan atau kumpulan itu.
- (2) Mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang terkilang dengan penggantungan atau pembubaran yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan notis penggantungan atau pembubaran itu, merayu secara bertulis kepada Menteri.

**SEKSYEN 16B : PIHAK BERKUASA TATATERTIB MENGENAI PELAJAR UNIVERSITI**

- 16B. (1) Pihak berkuasa tatatertib Universiti dikenakan dengan tiap-tiap pelajar Universiti ialah Naib Canselor.
- (2) Naib Canselor yang menjadi pihak berkuasa tatatertib di bawah subseksyen (1) mempunyai kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana kaedah tatatertib yang mungkin dibuat oleh Lembaga di bawah seksyen 16C.

- (3) Naib Canselor boleh mewakili fungsi, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana Timbalan Naib Canselor, pekerja Universiti, atau jawatankuasa pekerja Universiti, berkenaan dengan mana-mana pelajar tertentu atau mana-mana golongan atau kategori pelajar Universiti.
- (3A) Naib Canselor, atau Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja yang diwakilkan dengan fungsi, kuasa atau kewajipan di bawah subseksyen (3), hendaklah memaklumkan pelajar itu secara bertulis alasan bagi tindakan tatatertib yang dicadangkan diambil terhadapnya dan hendaklah memberikannya peluang yang munasabah untuk didengar.
- (3B) Seseorang pelajar Universiti hendaklah mempunyai hak untuk diwakili oleh seseorang pekerja atau pelajar lain Universiti itu dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.
- (3C) Seseorang pelajar Universiti hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis atau lisan dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.
- (3D) Keputusan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadap seseorang pelajar Universiti hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu.
- (4) Mana-mana pelajar Universiti yang tidak berpuas hati dengan keputusan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah subseksyen (3D) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan keputusan itu, mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (5).
- (5) Lembaga hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pelajar di bawah subseksyen (4); dan
- (6) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli yang hendaklah dilantik oleh Lembaga, dua orang daripadanya hendaklah daripada kalangan ahlinya dan seorang lagi daripada Universiti.
- (7) Lembaga hendaklah melantik mana-mana ahlinya yang disebut dalam subseksyen (5) untuk menjadi pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.
- (8) Tiada Seorang pun yang telah menjalankan kuasa di bawah subseksyen (2) atau (3) boleh menjadi ahli Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.



- (9) [Dipotong oleh Akta A1433]
- (10) Seseorang pelajar Universiti yang mengemukakan rayuan di bawah subseksyen (4) hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis dalam mana-mana prosiding di hadapan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.
- (11) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang mendengar suatu rayuan di bawah subseksyen (5) hendaklah memutuskan rayuan itu dalam masa enam puluh hari dari tarikh penerimaan rayuan.
- (12) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar mengenai sesuatu rayuan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusannya.

### **SEKSYEN 16C : KAEDAH-KAEDAH TATATERTIB**

- 16C. (1) Lembaga mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa kaedah tatatertib sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk mengadakan peruntukan mengenai tatatertib bagi pelajar Universiti; kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah subseksyen ini hendaklah disiarkan dalam Warta.
- (2) Kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan bagi penggantungan seseorang pelajar Universiti semasa prosiding tatatertib belum selesai.
  - (3) Kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib dan mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan pelajar dari Universiti.
  - (4) Kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah menetapkan tatacara bagi prosiding tatatertib dan prosiding rayuan tatatertib.
  - (5) Kekhususan perkara-perkara yang disebut dalam subseksyen (2), (3) dan (4) adalah tanpa menyentuh keluasan kuasa Lembaga di bawah subseksyen (1).



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**CABUTAN DARI PERLEMBAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
(P.U. (A) 450/2010)  
(BERKUATKUASA 31 DISEMBER 2010)**

BUKU PERATURAN  
**MAHASISWA**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**Majlis Perwakilan Pelajar**

57. (1) Pelajar berdaftar Universiti, selain pelajar luar, hendaklah pada kesemuanya menjadi suatu badan yang dinamai Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti (kemudian daripada ini dalam Perlembagaan ini disebut "Kesatuan").
- (2) Lembaga boleh membuat peraturan-peraturan bagi penjalanan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar dan bagi segala perkara yang berhubungan dengannya.
- (3) Kesatuan hendaklah memilih suatu Majlis Perwakilan Pelajar-Pelajar (kemudian daripada ini dalam Perlembagaan ini disebut "MPP") mengikut cara yang berikut:
- (a) pelajar berdaftar setiap Kampus Cawangan, Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut hendaklah memilih melalui undi rahsia yang dijalankan oleh ketua Kampus Cawangan atau Dekan Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebilangan pelajar berdaftar yang sama bilangannya daripada Kampus Cawangan, Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu untuk menjadi wakil dalam MPP, sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor;
- (b) pelajar berdaftar sebagai keseluruhan hendaklah memilih dengan undi rahsia yang dijalankan oleh mana-mana pegawai yang dilantik oleh Naib Canselor bagi maksud itu, beberapa orang pelajar berdaftar, mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, untuk menjadi wakil dalam MPP, dan bilangan pelajar itu hendaklah, walau bagaimanapun, tidak lebih daripada setengah daripada bilangan wakil yang dipilih di bawah perenggan (a).
- (4) MPP hendaklah memilih dari antara ahlinya seorang Yang Dipertua, seorang Naib Yang Dipertua, seorang Setiausaha dan seorang Bendahari dan hanya merekalah sahaja yang menjadi pemegang jawatannya, melainkan jika dibenarkan secara bertulis sebaliknya oleh Naib Canselor; pemegang jawatan yang dibenarkan sedemikian oleh Naib Canselor hendaklah dipilih oleh MPP dari antara ahli MPP.
- (5) Ahli MPP dan pemegang jawatannya hendaklah dipilih selama satu tahun.
- (6) Keputusan MPP hendaklah diambil mengikut undi terbanyak dengan tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli hadir dan mengundi.
- (7) MPP boleh dari semasa ke semasa, dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis daripada Naib Canselor, melantik jawatankuasa *ad hoc* dari antara ahlinya bagi maksud atau tujuan tertentu.
- (8) Tiada seseorang pelajar yang keputusan prosiding tatatertib terhadapnya masih ditunggu, atau yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, boleh dipilih atau terus lagi menjadi seorang ahli MPP atau seorang pemegang jawatan bagi mana-mana badan atau jawatankuasa pelajar, melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.

- (9) Seseorang pelajar yang belum lagi masuk peperiksaannya yang pertama di Universiti bagi kursus pengajiannya atau yang telah gagal atau yang tidak masuk peperiksaan yang baru berlalu yang diadakan oleh Universiti bagi kursus pengajiannya sebelum sahaja sesuatu pemilihan atau pemilihan yang dicadangkan bagi MPP atau oleh MPP atau bagi atau oleh mana-mana pertubuhan atau badan pelajar yang lain adalah hilang kelayakan untuk dipilih dalam pemilihan atau pemilihan itu.
- (10) Tujuan dan fungsi MPP ialah untuk:
- a) memupuk semangat hidup sebagai suatu perbadanan di kalangan pelajar Universiti;
  - b) tertakluk kepada arahan Naib Canselor, menyusun dan menyelia kemudahan kebajikan pelajar di Universiti termasuk kemudahan rekreasi, aktiviti kerohanian dan keagamaan, dan pembekalan makanan dan minuman;
  - c) membuat rayuan kepada Naib Canselor mengenai segala perkara yang berhubungan dengan atau berkenaan dengan keadaan hidup dan kerja pelajar Universiti;
  - d) diwakili dalam mana-mana badan yang boleh, mengikut sesuatu kaedah-kaedah yang dibuat oleh Lembaga bagi maksud itu, dilantik untuk menjalankan aktiviti kebajikan pelajar di Universiti; dan
  - e) menjalankan apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa
- (11) Kesatuan atau MPP tidak boleh menyenggarakan apa-apa kumpulan wang atau membuat apa-apa pemungutan wang atau harta dari apa-apa jua punca pun, tetapi apa-apa belanja yang berpatutan yang boleh dilakukan oleh MPP dengan terlebih dahulu dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor boleh dibayar oleh Universiti jika tuntutan bertulis yang berpatutan yang disokong dengan resit dan baucar dikemukakan oleh MPP kepada Naib Canselor dan diluluskan oleh Naib Canselor.
- (12) Bendahari hendaklah menyimpan penyata kewangan MPP dengan sepatutnya dan tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhir tiap-tiap tahun kewangan, iaitu suatu tahun kewangan sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, satu salinan penyata kewangan tersebut yang diaudit oleh seorang yang dilantik oleh Lembaga hendaklah dikemukakan oleh MPP kepada Lembaga untuk diluluskan.
- (13) MPP hendaklah mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya perlu dan adalah menjadi kewajipan Setiausaha menyimpan minit tiap-tiap mesyuarat MPP dan minit itu hendaklah disahkan di suatu mesyuarat yang berikutnya.

(14) (a) Bagi maksud seksyen ini :-

“pelajar berdaftar” ertinya seseorang pelajar yang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk suatu ijazah atau diploma termasuk diploma lepas ijazah, tetapi tidak termasuk seorang pelajar luar;

“pelajar luar” ertinya seseorang pelajar berdaftar di Kampus di luar Malaysia atau seseorang pelajar yang mengikuti suatu program jangka pendek, sambilan, pembelajaran jarak jauh, program pertukaran atau bersekutu, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;

“peperiksaan” termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian untuk memutuskan markah atau gred bagi sesuatu kursus tertentu atau sebahagian daripada kursus tertentu.

(b) Seorang pelajar berdaftar hendaklah terhenti menjadi pelajar berdaftar di bawah seksyen ini :-

- i) apabila disiarkan keputusan peperiksaan akhir bagi kursus pengajian itu, jika dia lulus peperiksaan itu; atau
- ii) apabila disiarkan keputusan mana-mana peperiksaan bagi kursus pengajian itu, jika dia gagal dalam peperiksaan itu, sehingga dia, kemudiannya, didaftarkan sekali lagi bagi kursus pengajian itu atau kursus pengajian lain yang berkenaan dengan seseorang pelajar berdaftar di bawah subseksyen ini.

### ***Penubuhan Badan Pelajar Lain***

58.(1) Walau apa pun seksyen 57, sah di sisi undang-undang bagi tidak kurang daripada sepuluh orang pelajar Universiti dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Naib Canselor dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, menubuhkan suatu badan pelajar yang terdiri daripada pelajar Universiti bagi memajukan sesuatu tujuan atau kepentingan tertentu dalam Universiti.

(2) Subseksyen 57(4), (5), (6), (7), (8), (9), (11), (12) dan (13) hendaklah terpakai mutatis mutandis bagi sesuatu badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi MPP.

***Perbuatan Yang Melampaui Had Kuasa Perlembagaan MPP Atau Sesuatu Badan Pelajar***

- 59.(1) Jika Kesatuan atau MPP atau sesuatu badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen 58 menjalankan urusannya secara yang, pada pendapat Naib Canselor, boleh merosakkan atau memudaratkan kesentosaan atau nama baik Universiti atau melakukan perbuatan yang bersalahan dengan Perlembagaan Universiti atau Perlembagaannya sendiri, atau mana-mana statut, kaedah atau peraturan Universiti, Naib Canselor boleh menggantung atau membubarkan Kesatuan atau MPP atau badan pelajar tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan dengan tidak menyentuh apa-apa tanggungan yang mungkin berbangkit di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa, tiap-tiap pemegang jawatan dalam Kesatuan atau MPP atau badan pelajar tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh dikenakan apa-apa hukuman tatatertib.
- (2) Subseksyen (1) adalah tambahan kepada dan tidak mengurangkan kuasa seksyen 16 Akta.





**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PERATURAN DAN TATATERTIB  
KOLEJ 1990/1991  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
(PINDAAN 2006)**

BUKU PERATURAN  
**MAHASISWA**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



## BAHAGIAN I PENGENALAN

1. Peraturan ini dinamakan Peraturan Kolej Universiti Teknologi Malaysia 1990/91.
2. 'Kolej' ertinya kawasan yang mengandungi apa-apa perumahan, baik apapun dinamakan, yang disediakan oleh Universiti untuk kediaman pelajar.
3. 'Pelajar' ertinya seorang pelajar berdaftar dengan Universiti Teknologi Malaysia secara sah.
4. 'Penghuni' ertinya seorang pelajar berdaftar yang menghuni di dalam sesebuah Kolej secara sah.
5. 'Timbalan Naib Canselor (HEM & Alumni)' ertinya Ketua Pegawai tertinggi di Hal Ehwal Mahasiswa yang dilantik oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.
6. 'Pengetua' ertinya Ketua Pegawai yang bertanggungjawab terhadap sesebuah Kolej. Antara tugas-tugas Pengetua adalah :-
  - 6.1 Bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor (HEM & Alumni)
  - 6.2 Memimpin penghuni menghayati matlamat Universiti
  - 6.3 Bertanggungjawab atas segala aktiviti penghuni di dalam Kolej
  - 6.4 Bertanggungjawab atas kebajikan penghuni Kolej
  - 6.5 Mengawasi dan membantu penghuni dalam mengatasi masalah peribadi dan akademik
  - 6.6 Bertanggungjawab atas ketenteraman dan keselesaan Kolej
  - 6.7 Menentu dan melaksanakan segala peraturan Kolej
  - 6.8 Bertanggungjawab terhadap tatatertib penghuni
  - 6.9 Menentukan penggunaan segala kemudahan Kolej mengikut peraturan yang ditetapkan
  - 6.10 Menjalankan tugas lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dan/atau Timbalan Naib Canselor (HEM & Alumni) dari semasa ke semasa.
7. Felo Kolej ialah pegawai yang bertanggungjawab membantu Pengetua tentang hal ehwal kebajikan dan pembangunan pelajar. Tugas-tugasnya ialah :-
  - 7.1 Bertanggungjawab kepada Pengetua
  - 7.2 Bertanggungjawab ke atas soal kebajikan dan ketenteraman Kolej

- 7.3 Melaksanakan peraturan Kolej
  - 7.4 Menggalak atau menasihati segala aktiviti di kalangan penghuni Kolej
  - 7.5 Memimpin penghuni ke arah matlamat UTM
  - 7.6 Membantu penghuni dalam mengatasi masalah akademik dan peribadi
  - 7.7 Penasihat kepada Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM)
  - 7.8 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Timbalan Naib Canselor (HEM & Alumni) dan/atau Pengetua Kolej berkenaan dari semasa ke semasa.
8. Pembantu Felo ialah individu yang dicadangkan oleh Pengetua dan dilantik oleh Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa yang bertanggungjawab membantu menjalankan tugas-tugas berkaitan akademik, aktiviti pelajar dan lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.

## **BAHAGIAN II PERATURAN AM**

### **1. Dasar Penempatan Pelajar**

1. Semua pelajar baru Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor **DIWAJIBKAN** menginap di Kolej Kediaman seperti terkandung di dalam surat tawaran.
2. Semua pelajar kanan diwajibkan menginap di kolej kediaman mengikut pilihan pelajar tertakluk kepada kekosongan kolej. Walau bagaimanapun, Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa berhak membuat perubahan penempatan dari masa ke semasa.
3. Semua pelajar yang berpindah/bertukar ke kolej lain selepas 2 minggu dari tarikh permulaan perkuliahan Semester Pertama atau Kedua akan dikenakan yuran perkhidmatan sebanyak RM50.00
4. Semua pelajar yang berpindah/bertukar kolej akan dikenakan kadar yuran asrama mengikut kadar kolej asal dan tertakluk kepada mana kadar sewa yang lebih tinggi.
5. Tawaran penginapan asrama adalah untuk satu sesi pengajian kecuali bagi pelajar yang mengikuti latihan industri atau latihan mengajar.
6. Caj yuran asrama akan dikenakan mengikut semester dan pelajar yang menarik diri dari asrama dalam tempoh semester atau sesi pengajian tersebut akan tetap dikenakan bayaran.
7. Semua pelajar kanan tidak dibenarkan berada di asrama yang mempunyai pelajar baru semasa Minggu Haluan Siswa.

9. Penghuni tidak boleh berpindah ke bilik lain tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Pengetua di Pejabat Kolej.
10. Pihak Pengetua Kolej boleh mengarah seseorang penghuni mengosongkan bilik/blok atau berpindah ke tempat lain pada bila-bila masa.
11. Jika seseorang penghuni dikehendaki berpindah dan atau mengeluarkan semua barang kepunyaannya, ia hendaklah berbuat demikian dalam tempoh yang diberi. Pihak Universiti tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang ditanggung oleh pelajar akibat daripada perpindahan tersebut.
12. Kemudahan kediaman Rumah Pelajar Bekeluarga dikhaskan kepada pelajar yang telah berumahtangga dan yang tinggal bersama ahli keluarganya di sepanjang tempoh penginapannya di Kolej.

## **2. Yuran Penginapan \***

Yuran Penginapan adalah berasaskan kepada tempoh masa penyewaan mengikut Kalendar Akademik Universiti dan jenis bilik seperti berikut:-

- i) RM3.50 – RM12.00 sehari untuk bilik berdua;
- ii) RM4.00 – RM40.00 sehari untuk bilik perseorangan;
- iii) RM450.00 – RM1100.00 sebulan untuk Rumah Pelajar Berkeluarga.

## **3. Syarat-syarat Mendiami Kolej**

1. Setiap penghuni adalah bertanggungjawab terhadap semua kemudahan yang disediakan dan memastikan bahawa kemudahan tersebut berada dalam keadaan baik sehingga tamat tempoh penginapannya.
2. Seseorang penghuni hendaklah menggunakan premis Kolej dengan cermat dan sewajarnya dan tidak boleh melakukan sesuatu yang mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan kepada mana-mana bahagian kawasan atau bangunan atau kepada apa-apa benda atau kelengkapan di dalamnya.
3. Dalam menggunakan premis Kolej dan kemudahan di dalamnya, seseorang penghuni hendaklah berhemat cermat bagi memastikan supaya ia tidak menyebabkan apa-apa kesusahan, kegusaran, halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang lain.

4. Penghuni hendaklah berjimat cermat menggunakan air dan elektrik.
5. Penghuni bertanggungjawab mengemaskan bilik masing-masing dan menentukan segala kelengkapan serta pakaian tersusun rapi. Pakaian tidak boleh disangkutkan di tingkap.
6. Setiap penghuni dikehendaki membayar ganti rugi ke atas apa-apa harta Universiti yang hilang, musnah atau rosak yang ia bertanggungjawab. Sebagai tambahan, tindakan tatatertib juga boleh dikenakan.
7. Penghuni adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap diri dan harta bendanya.

#### **4. Peraturan Semasa Cuti**

- 4.1 Semasa cuti akhir semester, penghuni dikehendaki mengeluarkan semua harta benda persendirian dari biliknya dan menyerahkan kunci ke Pejabat Kolej. Semua harta benda persendirian boleh disimpan di stor yang disediakan oleh pihak Kolej masing-masing.
- 4.2 Universiti tidak bertanggungjawab atas sebarang harta benda persendirian yang ditinggalkan semasa cuti
- 4.3 Pelajar yang ingin menyewa dalam masa cuti akhir semester, boleh membuat permohonan di Pejabat Kolej selewat-lewatnya seminggu sebelum tarikh penyewaan bermula. Permohonan bagi kes akademik hendaklah mendapat sokongan daripada Fakulti manakala bagi program aktiviti hendaklah mendapat sokongan daripada Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa.
- 4.4 Pihak Hal Ehwal Mahasiswa/Kolej berhak menetapkan kolej/blok/bilik sewaan.

#### **5. Pelawat**

- 5.1 Waktu melawat adalah seperti mana yang ditetapkan oleh Kolej iaitu:-  
Hari Isnin hingga Jumaat : 4.00 petang hingga 9.00 malam  
Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am : 9.00 pagi hingga 9.00 malam
- 5.2 Semua pelawat mestilah memakai pas pelawat yang dikeluarkan oleh Pejabat Keselamatan.
- 5.3 Pelawat dan tetamu boleh dilayan di ruang yang disediakan oleh Pejabat Kolej.
- 5.4 Blok siswi adalah kawasan larangan kepada mana-mana pelawat/siswa kecuali kawasan pejabat asrama dan ruang tamu yang disediakan di kawasan Pejabat Kolej.
- 5.5 Blok siswa adalah kawasan larangan kepada siswi.

- 5.6 Makanan tidak halal tidak boleh dibawa sama sekali ke dalam Kolej.
- 5.7 Makanan berkuah dan berbau tidak digalakkan di bawa ke dalam bilik bagi tujuan kebersihan.

## **6. Syarat Mendiami Rumah Pelajar Berkeluarga**

- 6.1 Kemudahan Kediaman Rumah Kelamin dikhasikan kepada pelajar yang telah berumah tangga sahaja dan yang tinggal bersama ahli keluarganya di sepanjang tempoh penguinapannya di Kolej.
- 6.2 Permohonan mestilah disertakan dengan maklumat (salinan) surat nikah, surat beranak/kad pengenalan.
- 6.3 Isteri/suami, anak dan tanggungan hendaklah tinggal bersama sepanjang masa sewaktu pelajar mendiami rumah tersebut. Kegagalan mendiami bersama dengan sendirinya membatalkan kelayakan.
- 6.4 Penghuni rumah pelajar berkeluarga terdiri dari pelajar, isteri/suami, anak dan tanggungan sahaja
- 6.5 Penghuni dilarang menyewakan mana-mana bahagian rumah tersebut kepada sesiapa jua pun.
- 6.6 Tawaran penyewaan adalah untuk tempoh satu sesi pengajian. Permohonan perlanjutan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan sebelum tamat tempoh penyewaan kepada Pejabat Kolej.
- 6.7 Penghuni Rumah Pelajar Berkeluarga juga adalah tertakluk kepada Akta. Universiti dan Kolej Universiti, 1971. Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 dengan segala peraturan yang dikeluarkan oleh Universiti.
- 6.8 Pihak Universiti berhak menarik balik kelulusannya pada bila-bila masa jika difikirkan perlu.

## **BAHAGIAN III TATATERTIB KOLEJ**

- 1. Tiada seseorang boleh memasuki bilik atau berada di dalam bilik yang diduduki oleh seseorang penghuni kecuali penghuni itu sendiri.

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah dipakai bagi seseorang pegawai, pekerja atau agen Universiti yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya, atau bagi seseorang yang memasukinya atau berada di dalamnya mengikut sesuatu kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

Dan selanjutnya dengan syarat bahawa perenggan ini tidak boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada memasuki bilik seseorang penghuni dari jantina yang sama untuk lawatan bagi maksud sosial yang biasa.

Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab penghuni untuk memastikan supaya sekatan-sekatan dalam perenggan 1 dipatuhi dengan sewajarnya.

2. Seseorang penghuni tidak boleh melakukan sesuatu untuk menghalang, merintang atau menahan seseorang pegawai, pekerja atau agen Universiti dari memasuki bilik penghuni itu dan menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawab di dalam bilik itu.
3. Seseorang penghuni selepas tengah malam, tidak boleh berada di luar kolej kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.
4. Penghuni yang ingin keluar dari Kolej dan akan balik lewat mestilah mendapatkan kebenaran sehari terlebih dahulu yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.
5. Selepas tengah malam, kecuali penghuni berdaftar dalam bilik/blok masing-masing, tiada seorang penghuni lain boleh berada dalam bilik/blok tersebut kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.
6. Keadaan sunyi senyap hendaklah diwujudkan di kolej dan di kawasan sekelilingnya di antara pukul 11.00 malam hingga 6.00 pagi. 'Headphone' atau 'earphone' hendaklah digunakan untuk mendengar radio pada waktu tersebut. Berbual bising adalah ditegah pada sebarang masa.
7. Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan badan atau kumpulan pelajar boleh mengatur, mengurus, menjalankan atau membantu dalam mengatur, mengurus, menjalankan, atau menyertai apa-apa judi, pertaruhan atau loteri dalam kolej. Sebarang bentuk perjudian adalah diharamkan sama sekali di kawasan kolej.
8. Tiada seorang penghuni boleh ada dalam milik atau di bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa bahan lucah di dalam kolej.

Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh membahagi-bahagi, mengedar atau mempamerkan, atau menyebabkan dibahagi-bahagi, diedar atau mempamerkan atau menyebabkan membahagi-bahagi, mengedar atau mempamerkan atau mempamerkan atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam membahagi, mengedar atau mempamerkan, apa-apa bahan lucah, tidak kira sama ada pembahagian, pengedaran atau pameran itu adalah untuk mendapat bayaran atau apa-apa balasan lain.

Tiada seseorang penghuni boleh dengan sengaja melihat atau dengan sengaja mendengar apa-apa bahan lucah di dalam Kolej.

9. Tiada seseorang boleh meminum atau ada dalam miliknya atau di bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa minuman keras dalam Kolej.

Seseorang penghuni yang didapati dalam keadaan mabuk akibat dari meminum minuman keras adalah bersalah atau suatu kesalahan tatatertib.

10. Pelajar adalah sama sekali dilarang membawa makanan tidak halal ke dalam Kolej.
11. Tiada seseorang penghuni boleh ada dalam miliknya atau di bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa dadah atau racun.

Tiada seseorang penghuni boleh memberi, membekal, mengada atau menawarkan atau bercadang hendak memberi, membekal, mengada atau menawarkan apa-apa dadah atau racun kepada mana-mana orang.

Tiada apa-apa jua dalam keadaan ini boleh disifatkan sebagai menghalang seseorang penghuni daripada menjalani apa-apa rawatan di bawah Akta Perubatan 1971.

Seseorang penghuni yang didapati dalam keadaan pengaruh apa-apa dadah atau racun adalah bersalah atas suatu kesalahan tatatertib.

12. 'Ragging' dalam segala bentuk adalah dilarang sama sekali.
13. Permainan yang membahayakan seperti membaling 'waterbomb' dan sebagainya adalah juga dilarang.
14. Segala jenis penampalan seperti gambar, poster, nota-nota kuliah dan sebagainya di dalam atau luar bangunan dan juga kawasan Kolej adalah dilarang sama sekali kecuali di papan kenyataan yang dkhaskan oleh Universiti dan perlu mendapat kebenaran Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa/Pentadbiran Kolej. Perbuatan menconteng atau melukis pada sebarang harta benda Universiti termasuk dinding, tembok, pintu dan lain-lain adalah dilarang sama sekali. Pihak Universiti berhak melakukan pemeriksaan bilik pelajar dan harta benda Universiti pada bila-bila masa.
15. Penghuni dikehendaki mematuhi peraturan rambut sepertimana yang terkandung dalam peraturan am bagi pelajar UTM.
16. Kenderaan pelajar hendaklah diletakkan di tempat yang dikhaskan untuk pelajar. Semua kenderaan yang memasuki kawasan Kolej hendaklah mematuhi peraturan lalulintas seperti yang terdapat Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999, Bahagian IV, Tatatertib Lalulintas Jalan.
17. Setiap penghuni dikehendaki memakai kad matrik masing-masing semasa berada di kawasan kampus.
18. Penghuni adalah dilarang mengeluarkan apa-apa perintah ataupun arahan kepada mana-mana staf yang bertugas di Kolej.
19. Penghuni dilarang berbahasa kesat dan kasar atau lucah.
20. Penghuni mestilah sentiasa berkelakuan baik, beradab sopan, bertanggungjawab dan memelihara maruah dan tatatertib sesuai dengan taraf pelajar Universiti.

21. Penghuni dikehendaki berpakaian kemas dan sopan semasa berada di Ruang Tamu dan di luar blok sepertimana yang terkandung di dalam Peraturan Pakaian di Bahagian VI.
22. Kasut hendaklah disimpan dan disusun kemas di dalam bilik penghuni. Menyimpan/menyusun kasut di luar bilik penghuni hanya dibenarkan di rak kasut yang disediakan.
23. Penghuni yang didapati menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Universiti seperti telefon awam dan sebagainya akan dikenakan tindakan tatatertib.
24. Pelajar adalah dilarang merokok di mana-mana bahagian/tempat dalam kampus Universiti Teknologi Malaysia.
25. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan kenderaan bermotor selepas jam 12.00 tengah malam.
26. Semua peralatan elektrik yang dibenarkan hendaklah didaftarkan di Pejabat Kolej.
27. Pelajar/Penghuni tidak boleh terlibat dalam sebarang perniagaan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Pengetua Kolej.
28. Pihak Universiti dari semasa ke semasa memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, suruhan atau arahan yang difikirkan perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman atau tatatertib dalam Kolej dan perintah, suruhan atau arahan itu boleh pada amnya mengenai semua pelajar atau sesuatu golongan atau jenis pelajar atau seseorang pelajar dan adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang diberi perintah, suruhan atau arahan itu mematuhi dan melaksanakannya.
29. Sekiranya penghuni telah dikenakan hukuman terus sekurang-kurangnya tiga (3) kali bagi apa-apa kesalahan yang berulang, pihak pengurusan Kolej boleh merujuk kesalahan itu ke Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar Universiti.
30. Tindakan tatatertib sepertimana terkandung di dalam Akta Universiti Dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia, (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 akan dikenakan kepada semua penghuni yang melanggar peraturan Kolej.

#### **BAHAGIAN IV PERATURAN DI KAFETERIA KOLEJ**

1. Semua makanan dan minuman yang tidak halal tidak dibenarkan dibawa masuk ke kawasan Kolej.
2. Penghuni mestilah berpakaian kemas dan sopan dan hendaklah sentiasa dalam keadaan tertib semasa berada di kafeteria untuk mengambil atau menikmati hidangan makanan.



3. Penghuni tidak dibenarkan memakai baju tanpa berlungan dan berseluar pendek semasa berada di kafeteria.
4. Peralatan makan tidak boleh dibawa keluar dari kafeteria.
5. Dapur tempat memasak dan bilik pekerja serta setor simpanan barang-barang adalah kawasan larangan bagi penghuni dan tidak dibenarkan memasukinya kecuali dengan kebenaran Pengetua.

## **BAHAGIAN V PERATURAN KESELAMATAN**

1. Penghuni adalah dikehendaki memastikan pintu dan tingkap bilik masing-masing sentiasa berkunci apabila meninggalkan bilik.
2. Penghuni yang ingin menggunakan peralatan elektrik dikehendaki mendaftar peralatan di Pejabat Kolej dan membayar yuran pendaftaran menurut kadar yang ditetapkan.
3. Penghuni tidak dibenarkan memasak di dalam bilik kecuali di ruang yang disediakan setelah mendapat kelulusan dari pihak Timbalan Naib Canselor (HEM & Alumni).
4. Pembakaran mercun, bunga api dan sampah sarap adalah dilarang sama sekali.
5. Penggunaan 'heater' untuk memasak air adalah dilarang.
6. Penghuni mestilah sentiasa berwaspada bagi mengelak berlaku sebarang kebakaran.
7. Penghuni tidak dibenarkan merosak, menyusup atau memanjat pagar.
8. Penghuni adalah dilarang menaiki sebarang kenderaan (basikal/motosikal) di sepanjang koridor dalam kampus.
9. Penghuni hendaklah mematuhi peraturan mencegah kebakaran dan peraturan lain yang dikeluarkan mengenainya.
10. Kenderaan bermotor dan basikal yang diletakkan di tempat yang disediakan oleh Universiti hendaklah sentiasa berkunci.
11. Semua kenderaan bermotor perlu didaftarkan dan diletak di tempat yang dikhaskan.
12. Penghuni dilarang masuk ke bilik atau ruang dalam blok selain dari pintu yang disediakan.

## **BAHAGIAN VI PERATURAN PAKAIAN**

1. Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian purdah (menutup muka).
2. Pelajar tidak dibenarkan memakai seluar ketat atau bertampal dan tidak kemas.
3. Pelajar tidak dibenarkan memakai seluar pendek di luar blok kecuali di padang dan di gelanggang sukan.
4. Pelajar tidak dibenarkan memakai baju tidak berlengan di luar blok kecuali di padang atau gelanggang sukan.
5. Pelajar dinasihatkan supaya berpakaian kemas dan berkelakuan sopan semasa berada di dalam dan luar kampus sebagai menjaga nama baik pelajar, keluarga dan Universiti.
6. Pelajar siswi tidak dibenarkan berpakaian yang tidak sopan seperti pakaian yang sendat atau pendek sehingga menampakkan pusat, berskirt pendek dan lain-lain.
7. Pelajar tidak dibenarkan memakai selipar semasa berurusan di pejabat, perpustakaan dan menghadiri kuliah.
8. Pelajar siswa dilarang sama sekali berpakaian menyerupai pakaian wanita.
9. Pelajar wajib mematuhi Tatacara Berpakaian Mahasiswa yang telah ditetapkan sepanjang tempoh pengajian.

## BAHAGIAN VII TINDAKAN KERANA MELANGGAR PERATURAN KOLEJ

KESALAHAN	TINDAKAN
1. Penghuni berada di dalam bilik penghuni lain selepas 12.00 tengah malam.	1. Amaran 2. Denda RM25.00
2. Penghuni yang membenarkan penghuni lain sejantina berada di dalam biliknya selepas 12.00 tengah malam.	1. Amaran 2. Denda RM25.00
3. Pelajar berada di dalam bilik penghuni di luar waktu lawatan.	1. Amaran 2. Denda RM25.00
4. Pelajar berlainan jantina berada di dalam kawasan kolej / blok penghuni dan di dalam bilik pelajar tanpa kebenaran.	1. Tatatertib
5. Penghuni menghalang/menahan pegawai, pekerja atau Agen Universiti daripada memasuki biliknya kerana menjalankan tugas.	1. Tatatertib
6. Penghuni balik ke Kampus selepas 12.00 tengah malam hingga 5.00 pagi tanpa alasan yang memuaskan.	1. Amaran 2. Denda tidak melebihi RM 50.00
7. Penghuni berada di luar Kolejnya selepas 12.00 tengah malam hingga 5.00 pagi tanpa kebenaran Pengetua.	1. Amaran 2. Denda RM25.00
8. Pelajar membuat bising dan mengganggu ketenteraman.	1. Amaran 2. Denda RM25.00 3. Rampasan alat yang digunakan.
9. Pelajar menjalankan aktiviti berbentuk perjudian, pertaruhan atau loteri.	1. Tatatertib
10. Memiliki, mempamer, mengedar bahan lucah.	1. Tatatertib
11. Memiliki, meminum, mengedar, menjual minuman keras.	1. Tatatertib

## TINDAKAN KERANA MELANGGAR PERATURAN KOLEJ

KESALAHAN	TINDAKAN
12. Memiliki, mengguna, mengedar bahan racun, dadah atau sebarang bahan yang memberi kesan yang seumpamanya.	1. Tatatertib
13. Mendera (Ragging).	1. Tatatertib
14. Menampal gambar, nota dan sebagainya tanpa kebenaran pihak Pentadbiran Kolej kecuali ditempat yang dikhaskan.	1. Rampas 2. Denda RM25.00
15. Pelajar lelaki atau perempuan mewarnakan rambut/fesyen rambut tidak senonoh.	1. Rampas 2. Denda RM25.00
16. Pelajar lelaki berambut panjang	1. Amaran 2. Denda RM25.00
17. Kenderaan : a) Tanpa kebenaran b) Salah letak c) Melebihi had laju d) Tanpa lampu di waktu malam e) Tidak membawa/memiliki lesen memandu yang sah f) Tidak membawa/memiliki cukai jalan kenderaan yang sah g) Kenderaan yang mengganggu ketenteraman h) Membawa penumpang lebih i) Tidak memakai topi keledar	1. Amaran 2. Denda RM25.00 (Setiap Kesalahan)
18. Pasangan pelajar berlainan jantina berkelakuan tidak sopan dan tidak senonoh membonceng motosikal dan dalam kenderaan.	1. Tatatertib
19. Tidak memakai kad matrik di tempat yang diwajibkan bagi urusan rasmi i) Kawasan Pejabat ii) Bilik Kuliah / Makmal iii) Perpustakaan	1. Amaran 2. Denda RM25.00

## TINDAKAN KERANA MELANGGAR PERATURAN KOLEJ

KESALAHAN	TINDAKAN
20. Meminjam atau meminjamkan kad matrik.	1. Tatatertib
21. Menggunakan bahasa kesat/kasar/lucah.	1. Amaran 2. Denda RM25.00
22. Menyalahgunakan harta Universiti dan kemudahan awam.	1. Amaran 2. Denda tidak melebihi
23. Merosakkan harta Universiti dan kemudahan awam.	
24. Penghuni berpindah bilik/blok/kolej tanpa kebenaran	1. Denda RM50.00
25. Enggan menyerahkan kunci dan mengosongkan bilik apabila diarah oleh pihak Pengetua	1. Amaran 2. Denda RM25.00 3. Sewaan Kadar Harian untuk tempoh tidak dipulangkan
26. Tidak mematikan alat-alat elektrik ketika tiada di bilik	1. Amaran 2. Denda RM25.00
27. Membawa makanan tidak halal dan minuman keras ke dalam Kolej	1. Amaran 2. Rampas 3. Denda RM25.00
28. Memasuki ruang dapur kafeteria tanpa izin Pengetua	1. Amaran 2. Denda RM25.00
** 29. Menghisap rokok di dalam bangunan Kolej atau mana-mana kawasan larangan	1. Amaran 2. Denda RM25.00
30. Menggunakan alat elektrik tanpa kebenaran.	1. Amaran 2. Denda tidak melebihi RM30.00
31. Memasak makanan di dalam bilik	1. Amaran 2. Rampas 3. Denda RM25.00
32. Memiliki atau mengedar atau membakar mercun/bunga api atau membakar sampah sarap	1. Amaran 2. Bahan Rampas 3. Denda RM25.00 atau/dan 4. Tatatertib

## TINDAKAN KERANA MELANGGAR PERATURAN KOLEJ

KESALAHAN	TINDAKAN
33. Memanjat/menceroboh pagar kolej	1. Amaran 2. Denda RM25.00
34. Buat kunci pendua/menghilangkan kunci bilik a. Hilang kunci b. Membuat kunci pendua	1. Denda RM25.00 2. Tatatertib
35. Mencuri atau memiliki barang curian a. Mencuri barang b. Memiliki barang curian	1. Tatatertib
36. Ingkar perintah, suruhan atau arahan daripada pihak Pengetua dan wakil	1. Amaran 2. Denda RM25.00
37. Penghuni membenarkan orang luar berlainan jantina berada di dalam biliknya	1. Tatatertib
38. Pelajar lelaki memakai pakaian atau aksesori yang menyerupai wanita atau pelajar wanita memakai pakaian atau aksesori yang menyerupai lelaki	1. Amaran 2. Denda RM25.00
39. Memukul, bergaduh atau/dan mencederakan individu lain.	1. Tatatertib
40. Memanjat, menyusup, memasuki ruang/bilik melalui tingkap/balkoni	1. Amaran 2. Denda RM25.00
41. Menyidai pakaian di tempat yang dilarang	1. Amaran 2. Denda RM25.00
42. Menggunakan antenna/ariel di luar bilik	1. Amaran / dan 2. Barangan dirampas 3. Denda RM25.00

### TINDAKAN KERANA MELANGGAR PERATURAN KOLEJ

KESALAHAN	TINDAKAN
43. Menyambung rangkaian talian dari bilik ke bilik	1. Amaran / dan 2. Barangan dirampas 3. Denda RM25.00
44. Membawa masuk motosikal atau basikal ke dalam bilik pelajar	1. Amaran 2. Denda RM25.00 sehari

#### Catatan :

- i) TNC (HEM & Alumni) berhak meminda apa-apa yang terkandung di dalam Peraturan Bahagian VII tanpa notis kepada pelajar.
  - ii) Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan di bawah peraturan kolej dan didapati bersalah ke atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman di atas.
- \* Pindaan kadar baru yuran kolej kediaman telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia Bil. 7/2011 bertarikh 27 Julai 2011.
- \*\* Dibatalkan selaras dengan Pekeliling Pentadbiran Bil. 22/2014 bertarikh 25 Jun 2014 iaitu Penguatkuasaan Kawasan Bebas Asap Rokok UTM.



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**SURAT AKU JANJI**

BUKU PERATURAN  
**MAHASISWA**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA





## SURAT AKU JANJI PELAJAR

Saya : .....

No. Kad Pengenalan : ..... Tahun/Program : .....

No. Matrik: ..... dengan sesungguhnya dan sebenarnya berjanji bahawa saya akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai kecemerlangan dalam ilmu dan akan sentiasa mempertingkatkan budi pekerti yang mulia. Saya akan mematuhi semua undang-undang, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia ("Universiti") yang dibuat dari semasa ke semasa sepanjang saya menjadi seorang pelajar Universiti. Maka dengan ini saya berjanji bahawa saya antara lain:-

- 1) akan mematuhi subseksyen 15(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012) bahawa seseorang pelajar Universiti boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, termasuk mana-mana parti politik.
- 2) akan mematuhi subseksyen 15(2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012) bahawa seseorang pelajar Universiti tidak boleh-
  - (a) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia ;
  - (b) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu ; atau
  - (c) terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam Kampus.
- 3) akan mematuhi subseksyen 15(3) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012) untuk tidak menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap-
  - (a) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia ; atau
  - (b) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.
- 4) akan mematuhi peraturan berkenaan dengan tata tertib am sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tata tertib Pelajar-Pelajar) 1999 termasuklah:-
  - (a) tidak akan melanggar peruntukan berhubung dengan larangan am, yang antara lain termasuklah:-
    - (i) tidak akan merosakkan atau memudaratkan kepentingan, kesejahteraan dan nama baik Universiti, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti ;
    - (ii) tidak akan merosakkan atau memudaratkan ketenteraman atau keselamatan awam, moral, kesopanan atau tata tertib ; dan
    - (iii) tidak akan mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar kampus;

- (b) peruntukan berkenaan dengan kehadiran dalam kuliah, sekatan tentang penggunaan teks kuliah dan larangan terhadap plagiarisme;
  - (c) peruntukan berkenaan dengan kehadiran dalam peperiksaan dan kelakuan pelajar semasa peperiksaan dijalankan;
  - (d) peruntukan berkenaan dengan penerbitan, pembahagian dan pendedaran apa-apa dokumen di dalam atau di luar kampus;
  - (e) peruntukan berkenaan dengan penganjuran perhimpunan, penggunaan pembesar suara dan sepanduk;
  - (f) peruntukan berkenaan dengan kegiatan pelajar di luar kampus dan penglibatan pelajar dalam bidang pekerjaan;
  - (g) peruntukan berkenaan dengan larangan berjudi, minum dan memiliki minuman keras, berkelakuan tidak senonoh, memiliki bahan lucah, memiliki dan menggunakan dadah dan racun; dan
  - (h) peruntukan berkenaan dengan kebersihan di dalam kampus dan pakaian pelajar;
- 5) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan Tatatertib Asrama sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999;
- 6) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan Tatatertib Lalu Lintas Jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Univerisiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.
- 7) akan mematuhi Kod Tatakelakuan Aktiviti-Aktiviti Politik Pelajar Dalam Kampus Universiti Teknologi Malaysia.

Saya sesungguhnya faham bahawa sekiranya saya tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam undang-undang, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan tersebut, maka tindakan boleh diambil ke atas saya menurut peruntukan undang-undang, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan berkenaan, termasuklah dibuang daripada Universiti.

..... Tarikh:.....  
Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar : .....  
Alamat Tetap : .....  
.....

.....  
# Tandatangan  
  
Nama : .....  
Jawatan: .....





**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**KOD TATAKELAKUAN AKTIVITI-AKTIVITI  
POLITIK PELAJAR DALAM KAMPUS  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

BUKU PERATURAN  
**MAHASISWA**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## KOD TATAKELAKUAN AKTIVITI-AKTIVITI POLITIK PELAJAR DALAM KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

### 1.0 LATAR BELAKANG

Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 telah dipinda pada tahun 2012 yang mana pendekatan lebih liberal dan terbuka diambil oleh Kerajaan berdasarkan kepercayaan yang tinggi terhadap kematangan pelajar-pelajar pada masa kini. Pindaan ini antaranya membenarkan pelajar untuk menyertai dan menjadi ahli kepada parti politik, namun masih mengekalkan konsep keberkecualian kampus agar kepentingan dan kesejahteraan semua pihak dipelihara. Kod Tatakelakuan Aktiviti-Aktiviti Politik Dalam Kampus Universiti Teknologi Malaysia ini diwujudkan sebagai tindak balas kepada Pindaan AUKU 2012.

### 2.0 TUJUAN

- 2.1 Kod Tatakelakuan Aktiviti-Aktiviti Politik Pelajar dalam Kampus Universiti Teknologi Malaysia ini mengikut peruntukan Subseksyen 15(5) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
- 2.2 Kod ini bertujuan untuk mengawal selia aktiviti pelajar dan persatuan, pertubuhan badan atau kumpulan pelajar dalam aktiviti politik. Selain itu, Kod Tatakelakuan ini juga bertujuan untuk memastikan keamanan dan keharmonian kampus dapat sentiasa dijaga dan dipelihara.

### 3.0 TANGGUNGJAWAB PELAJAR

- 3.1 Pelajar adalah tertakluk kepada peruntukan dan mematuhi segala terma berkaitan dengan Kod Tatakelakuan ini.
- 3.2 Seseorang pelajar hendaklah semasa berada di dalam kampus sama ada secara individu atau secara bersesama dengan pihak lain hendaklah :
  - i) Mendalami ilmu pengetahuan dan bidang professional pengajian masing-masing bebas dari pengaruh parti politik;

- ii) Menghormati hak dan kebebasan pelajar-pelajar lain dan warga Universiti;
  - iii) Mengelak daripada terlibat dalam mana-mana aktiviti politik dalam kampus;
  - iv) Menghalang dari mencetuskan polemik politik dalam perjalanan aktiviti-aktiviti akademik;
  - v) Tidak menyalahgunakan kemudahan Universiti untuk tujuan aktiviti-aktiviti politik;
  - vi) Menjadi penggerak dalam mengembleng penglibatan pelajar lain dalam aktiviti parti politik ;
  - vii) Tidak menjadi agen keahlian atau aktiviti yang dianjurkan oleh parti politik atau menjadi agen menyebarkan ideologi dan penyebaran kefahaman pegangan mana-mana parti politik;
  - viii) Mematuhi tatacara penglibatan yang disenaraikan dalam **Jadual A**;
  - ix) Tidak menggunakan sebarang sumber fasiliti, nama, logo dan simbol Universiti untuk tujuan aktiviti-aktiviti parti politik samada dalam dan luar kampus.
- 3.3 Tidak dibenarkan mana-mana pelajar memanggil dalam kampus individu yang bukan pelajar atau warga Universiti bagi menyertai mesyuarat, tutorial atau apa-apa program lain yang berkaitan dengan politik atau seumpamanya tanpa kebenaran bertulis dari pegawai yang diberi kuasa oleh Universiti.

#### **4.0 TANGGUNGJAWAB PERSATUAN/PERTUBUHAN/BADAN/KUMPULAN PELAJAR**

- 4.1 Sesebuah persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar hendaklah tidak mempunyai sebarang hubungan atau berurusan dengan mana-mana parti politik atau pertubuhan yang tidak sah sama ada dalam atau luar Malaysia.

- 4.2 Sesebuah persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar hendaklah tidak mempunyai sebarang hubungan dengan mana-mana organisasi, pertubuhan atau kumpulan orang yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti sebagai tidak sesuai dengan kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti.
- 4.3 Bagi mengekalkan keharmonian, kesejahteraan, ketenteraman dan keamanan pelajar dan Universiti, persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar hendaklah:
- i) Tidak berurusan atau membuat pernyataan atau pendirian atau menunjukkan sebarang sokongan atau simpati atau bantahan terhadap sesuatu parti politik;
  - ii) Tidak dibenarkan membuka pejabat atau cawangan atau bahagian sesuatu parti politik dalam kampus;
  - iii) Tidak mengadakan atau menganjur apa-apa program dalam kampus menggunakan sumbangan atau tajaan atau dana daripada mana-mana parti politik.

## **5.0 KETIDAKPATUHAN TERHADAP KOD TATAKELAKUAN PELAJAR DALAM AKTIVITI PARTI POLITIK DALAM KAMPUS**

Mana-mana pelajar, persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang melanggar peruntukan kod ini boleh dikenakan tindakan sebagaimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 16 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

## **6.0 PELANGGARAN KOD TATAKELAKUAN**

Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran Kod Tatakelakuan ini sama ada oleh pelajar, persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar maka pelajar berkenaan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Adjudikasi yang ditetapkan oleh Naib Canselor untuk menyiasat sebelum dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib Pelajar untuk dikenakan tindakan tatatertib.

## 7.0 JAWATANKUASA ADJUDIKASI

- 7.1 Sebarang aduan yang diterima di bawah Kod Tatakelakuan ini yang berkaitan tanggungjawab pelajar, persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dan tidak termasuk dalam mana-mana undang-undang atau perlembagaan, statut, peraturan, polisi Universiti hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Adjudikasi Universiti.
- 7.2 Jawatankuasa Adjudikasi ini hendaklah bersidang secara *ad-hoc* dan terdiri daripada:-
- a. Seorang Dekan/Pengarah yang dilantik sebagai Pengerusi oleh Naib Canselor;
  - b. Dua orang staf Akademik yang dilantik oleh Pengerusi;
  - c. Dua orang staf Pengurusan dan Profesional yang dilantik oleh Pengerusi; dan
  - d. Seorang Setiausaha dari Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni.
- 7.3 Korum untuk Jawatankuasa ini bersidang terdiri daripada tiga orang ahli iaitu Pengerusi dan dua ahli lain.
- 7.4 Jawatankuasa Adjudikasi boleh menentukan prosedur mesyuaratnya sendiri.

## 8.0 PROSIDING TERHADAP PELAJAR

- 8.1 Urusetia mendapat laporan daripada Pihak Yang Membuat Aduan tentang pelanggaran Kod Tatakelakuan ini oleh pelajar.
- 8.2 Kes disiasat.
- 8.3 Jawatankuasa Adjudikasi ditubuhkan dan meneliti aduan, Jawatankuasa Adjudikasi membuat keputusan sama ada surat tunjuk sebab wajar dikeluarkan kepada pelajar. Tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat tunjuk sebab dikeluarkan diberikan kepada pelajar untuk mengemukakan representasi secara bertulis.
- 8.4 Jawatankuasa Adjudikasi menentukan tarikh prosiding Pelanggaran Kod Tatakelakuan.
- 8.5 Notis (sekurang-kurangnya tujuh hari (7) hari) diberikan kepada pelajar yang menerangkan kesalahan pelajar dan pelajar juga diminta hadir untuk prosiding Pelanggaran Kod Tatakelakuan ini.



- 8.6 Jawatankuasa Adjudikasi bersidang. Dalam prosiding tersebut, Jawatankuasa Adjudikasi akan meneliti aduan kes, dokumen sokongan serta mendapatkan keterangan saksi (sekiranya ada)
- 8.7 Pelajar dibenarkan mengemukakan saksi dan bukti sokongan (sekiranya ada).
- 8.8 Jawatankuasa Adjudikasi hendaklah menentukan sama ada wujud kes *prima facie*, atau tidak. Sekiranya wujud kes *prima facie*, Jawatankuasa Adjudikasi akan mencadangkan kepada pihak Jawatankuasa Tatatertib Pelajar untuk dibicarakan.
- 8.9 Keputusan disampaikan kepada pelajar secara lisan (dalam prosiding) dan secara bertulis dalam masa empat belas hari (14) dari tarikh keputusan diumumkan.
- 8.10 Sekiranya Jawatankuasa Tatatertib Pelajar mendapati wujudnya pelanggaran terhadap peruntukan peraturan yang dinyatakan dalam Kod Tatakelakuan ini, pelajar adalah dianggap telah melakukan kesalahan di bawah subperenggan 15(2)(c) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar boleh mengenakan tindakan tatatertib ke atas pelajar tersebut.

## 9.0 PIHAK YANG MEMBUAT ADUAN

Aduan tentang pelanggaran Kod Tatakelakuan ini boleh dibuat secara bertulis, lisan atau atas talian oleh:-

- a) Warga kampus;
- b) Polis Diraja Malaysia atau Pihak Berkuasa Tempatan;
- c) Orang awam;
- d) Mana-mana pihak yang berkenaan.

## 10.0 ARAHAN PENTADBIRAN

- 10.1 Pelajar perlu mengisytiharkan secara bertulis kepada Universiti Teknologi Malaysia mengenai penglibatan mereka dalam parti politik di luar kampus. Ini adalah untuk membolehkan Universiti memantau prestasi akademik pelajar yang terlibat agar tidak terjejas.
- 10.2 Pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti parti politik di luar kampus perlu menjaga adab sopan dan kelakuan masing-masing. Sekiranya didapati pelajar

terlibat dalam perkara yang memudaratkan dan mencemarkan nama Universiti, pelajar masih tertakluk kepada peraturan Universiti Teknologi Malaysia sedia ada.

- 10.3 Universiti Teknologi Malaysia tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa perkara yang berlaku terhadap pelajar semasa pelajar menjalankan aktiviti-aktiviti parti politik di luar kampus.
- 10.4 Naib Canselor boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan arahan yang difikirkan perlu dan suaimanfaat untuk tujuan pelaksanaan dan penguatkuasaan Kod Tatakelakuan ini.

## JADUAL A

## AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIBENARKAN

BIL.	DI LUAR KAMPUS	DI DALAM KAMPUS
1	Menjadi ahli parti politik	Memegang jawatan dalam kampus dan pada masa yang sama memegang jawatan parti politik (mesti mempunyai syarat PNGK 3.00 dan ke atas)
2	Memegang jawatan dalam parti politik	Mengambil bahagian dalam seminar atau simposium yang <b>berbentuk ilmiah dan intelektual</b> berkaitan politik yang dianjurkan oleh badan yang dibenarkan oleh pihak pengurusan Universiti dalam kampus
3	Bertanding di dalam pilihanraya	Menjemput mana-mana orang yang bukan pelajar atau pekerja universiti untuk seminar, bengkel kolokium, forum, diskusi, wacana, simposium, persidangan, bicara ilmu atau program yang seumpamanya dengan <b>kebenaran bertulis pihak pengurusan universiti.</b>
4	Menjadi ejen kepada calon parti politik	Menganjurkan aktiviti akademik seperti <b>seminar, bengkel, kolokium, forum, diskusi, wacana, simposium, persidangan, bicara ilmu</b> atau program seumpamanya yang melibatkan ahli parti politik dengan kebenaran bertulis pihak pengurusan universiti
5	Melibatkan diri dalam kempen pilihanraya	Mengeluarkan kenyataan akhbar yang berkaitan dengan kajian atau kursus akademik yang diikuti oleh pelajar yang berbentuk ilmiah atau politik dengan kebenaran bertulis pihak pengurusan universiti

## AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILARANG

1. Terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus seperti berikut:
  - aktiviti **menghasut** yang boleh menggugat keharmonian dan kesejahteraan kampus
  - tidak dibenarkan berkempen **politik kepartian** dalam kampus
  - tidak dibenarkan berdemonstrasi atau melakukan aktiviti melampau yang boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman kampus dan negara
  - tidak boleh menghina atau mengaibkan mana-mana individu
  - tidak dibenarkan menampal poster, banner atau lain-lain bentuk yang beridentitikan parti politik dalam kampus
  - tidak dibenarkan membuka pejabat atau cawangan parti politik dalam kampus
  - tidak dibenarkan mengutip wang, derma, suguhati untuk dana parti politik
  - tidak dibenarkan menggunakan apa-apa kemudahan dan peralatan universiti yang disediakan bagi tujuan politik
2. Berurusan dengan parti politik atau mana-mana persatuan diluar kampus tanpa kebenaran pihak pengurusan universiti.
3. Menyatakan sokongan atau simpati atau bangkangan terhadap mana-mana persatuan, pertubuhan badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti (pelampau) termasuklah dengan pakaian, topi, lencana, stiker dan sebagainya dalam kampus.
4. Memakai atau membawa atau dalam apa-apa cara menggunakan logo atau simbol Universiti Teknologi Malaysia dalam penglibatan pelajar dalam aktiviti politik di luar kampus.





**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**TATACARA  
BERPAKAIAN MAHASISWA**

BUKU PERATURAN  
**MAHASISWA**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**TATACARA BERPAKAIAN MAHASISWA**

1. Pelajar mestilah berpakaian **KEMAS, BERSIH** dan **SESUAI** dengan amalan biasa masyarakat Malaysia.
2. Pelajar **DIWAJIBKAN BERPAKAIAN SOPAN** (baju kemeja, baju T-berkolar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lutut) terutama sewaktu menghadiri kuliah dan melakukan urusan rasmi di Fakulti/Bangunan Pentadbiran.
3. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** memakai **PAKAIAN YANG KETAT** dan **MEMPAMERKAN SUSUK TUBUH, MENDEDAHKAN SEBAHAGIAN TUBUH BADAN** dan **MENJOLOK MATA** seperti berikut:-
  - a) Berskirt di atas paras lutut atau berseluar pendek
  - b) Berbaju T tanpa kolar
  - c) Berbaju tanpa lengan
  - d) Berseluar/berskirt ketat
  - e) Berselipar/sandal
4. Semasa menghadiri majlis rasmi Universiti, pelajar lelaki **DIWAJIBKAN BERPAKAIAN KEMAS** seperti berkemeja lengan panjang, bertali leher dan berseluar panjang (bukan 'jeans'), berkasut kulit atau **BERPAKAIAN KEBANGSAAN LENGKAP**. Pelajar perempuan diwajibkan **BERBAJU KURUNG** atau **BERPAKAIAN SOPAN** seperti berskirt labuh di bawah paras lutut atau berseluar panjang dan longgar (tidak sendat/ketat).
5. Pelajar perempuan **TIDAK DIBENARKAN** memakai pakaian yang **MENUTUP MUKA (PURDAH)**.
6. Semasa berurusan rasmi dengan pihak Universiti, pelajar tidak dibenarkan **MEMAKAI TOPI** atau **BANDANA** kecuali semasa aktiviti riadah.
7. Pelajar hendaklah sentiasa berambut **KEMAS** dan **RAPI**. Pelajar lelaki tidak dibenarkan menyimpan **RAMBUT PANJANG** (mencecah kolar baju, menutupi telinga dan mencecah kening) dan **BEREKOR**. Semua pelajar (lelaki dan perempuan) adalah dilarang **BERFESYEN RAMBUT YANG KETERLALUAN** dan **MEWARNAKAN RAMBUT**.
8. Pelajar lelaki tidak dibenarkan berpakaian **MENYERUPAI WANITA** dan pelajar wanita tidak dibenarkan berpakaian **MENYERUPAI LELAKI**.
9. Pelajar lelaki tidak dibenarkan **MEMAKAI GELANG TANGAN, SUBANG, RANTAI** dan **ANTING-ANTING** atau **APA-APA PERHIASAN DIRI** sementara pelajar perempuan tidak dibenarkan **MENINDIK LEBIH DARIPADA SATU LIANG DI TELINGA** yang bertentangan dengan amalan biasa masyarakat Malaysia.
10. Pelajar dilarang **MEMBUAT 'TATOO'** di mana-mana anggota tubuh.

11. Semasa menjalankan aktiviti **MAKMAL, SUKAN** dan **KEBUDAYAAN**, pelajar hendaklah mematuhi **AMALAN PAKAIAN** dan **PERATURAN YANG DIKUATKUASAKAN**.
12. Semua pelajar diwajibkan **MEMAKAI KAD MATRIK/PINTAR** semasa berada di dalam kawasan kampus termasuk semasa berada di premis yang dimiliki oleh Universiti. Kad matrik/pintar mestilah **DIPAKAI** dan **DIPAMERKAN** di bahagian hadapan paras dada.

**PELAJAR YANG DIDAPATI INGKAR, BOLEH DIKENAKAN AMARAN ATAU DENDA TIDAK MELEBIHI RM50.00 (KESALAHAN PERTAMA) ATAU DIHADAPKAN KEPADA JAWATANKUASA TATATERTIB PELAJAR BAGI KESALAHAN BERULANG.**

Jawatankuasa Tatatertib Pelajar  
Universiti Teknologi Malaysia








**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PENERANGAN MENGENAI  
PAKAIAN, GAYA RAMBUT DAN KASUT  
YANG DIBENARKAN DAN  
TIDAK DIBENARKAN  
UNTUK MAHASISWA**

BUKU PERATURAN  
**MAHASISWA**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PENERANGAN MENGENAI PAKAIAN YANG DIBENARKAN  
SEMASA MENGHADIRI MAJLIS RASMI UNIVERSITI DAN SETIAP  
HARI ISNIN (HARI BERPAKAIAN KEMAS)**



**PENERANGAN MENGENAI PAKAIAN YANG DIBENARKAN  
UNTUK MAHASISWA LELAKI & PEREMPUAN SEMASA  
MENGHADIRI KULIAH, TOTURIAL, PEPERIKSAAN DAN SEMASA  
BERADA DI DALAM KAWASAN KAMPUS**



**PENERANGAN MENGENAI PAKAIAN  
YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK MAHASISWA LELAKI**



**X**



**X**



**X**



**X**


### PENERANGAN MENGENAI PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK MAHASISWA PEREMPUAN



X



X



X




X

**PENERANGAN MENGENAI GAYA RAMBUT  
YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK MAHASISWA LELAKI**



**PENERANGAN MENGENAI GAYA RAMBUT  
YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK MAHASISWA PEREMPUAN**



**PENERANGAN MENGENAI KASUT  
YANG DIBENARKAN UNTUK MAHASISWA LELAKI**



**PENERANGAN MENGENAI KASUT  
YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK MAHASISWA LELAKI**





**PENERANGAN MENGENAI KASUT  
YANG DIBENARKAN UNTUK MAHASISWA PEREMPUAN**



**PENERANGAN MENGENAI KASUT  
YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK MAHASISWA PEREMPUAN**









